Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Ketiga 2004

TINJAUAN

Pertumbuhan kekal menggalakkan

Berikutan pertumbuhan yang kukuh selama dua suku berturut-turut pada kadar purata 8%, KDNK benar Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 6.8% pada suku ketiga 2004. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh sektor swasta, dengan sektor awam terus komited dengan konsolidasi fiskal. Pengembangan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh penggunaan isi rumah yang lebih kukuh dan aktiviti pelaburan swasta yang mapan. Namun demikian, pengembangan yang sederhana dalam penggunaan awam pada suku ini menyumbang sedikit kepada pertumbuhan.

Sektor ekonomi utama, iaitu perkilangan, perkhidmatan dan komoditi utama terus menjana pertumbuhan. Sektor perkilangan terus mencatat pengembangan yang kukuh, disokong oleh permintaan dari dalam dan luar negeri. Pertumbuhan sektor perkhidmatan pula terus mapan disebabkan oleh aktiviti penggunaan serta aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan dan perdagangan yang kukuh. Sementara itu, sektor komoditi utama mencatat pertumbuhan yang lebih mantap hasil daripada peningkatan dalam pengeluaran, terutamanya pengeluaran komoditi-komoditi utama. Prestasi sektor pembinaan yang lebih lemah disebabkan terutamanya oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang berkurangan.

KDNK kekal menggalakkan pada S3 2004



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengeluaran sektor perkilangan terus berkembang sebanyak 11.5% pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam sektor berorientasikan eksport, dengan elektronik dan elektrik (E & E) mencakupi bahagian sebanyak 33%, kekal tinggi pada 12.3% (S2: 18.2%), dengan pertumbuhan dalam keluaran elektronik meningkat sebanyak 26.3% (S2: 33%). Prestasi kelompok industri keluaran kimia, terutamanya plastik dan resin, terus tumbuh seiring dengan industri elektronik. Sementara itu, pertumbuhan industri berorientasikan dalam negeri bertambah kukuh kepada 8.8% (S2: 7.5%), disokong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran industri keluaran logam yang direka, industri

minuman serta industri kelengkapan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.1% pada suku ketiga (S2: 7.8%) mencerminkan penggunaan yang kukuh serta peningkatan dalam aktiviti berkaitan dengan pelancongan dan perdagangan. Subsektor perkhidmatan akhir berkembang sebanyak 6%, sementara segmen perkhidmatan pengantara tumbuh sebanyak 6.2%. Pertumbuhan perkhidmatan akhir didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel ekoran sentimen pengguna yang bertambah baik dan jumlah ketibaan pelancong yang tinggi. Kajian oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) bagi suku ketiga menunjukkan Indeks Sentimen Pengguna bertambah 1.5 mata berbanding suku sebelumnya (kepada 113.9 mata), sementara penunjuk yang lain seperti import barangan penggunaan, jualan kereta penumpang, kredit penggunaan dan pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada isi rumah serta segmen borong, runcit, restoran dan hotel, kekal kukuh dan terus mencatat pertumbuhan yang tinggi. Pengembangan segmen perkhidmatan pengantara disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan dan pembangunan sektor, seperti yang dicerminkan oleh pengembangan yang mapan dalam subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi (pengangkutan), serta kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (kewangan). Sementara subsektor pengangkutan mendapat faedah daripada aktiviti urus niaga yang meningkat dan bilangan ketibaan pelancong yang tinggi pada suku ini, pertumbuhan dalam subsektor kewangan pula telah didorong oleh pertumbuhan pinjaman yang tinggi dan aktiviti insurans yang teguh sejajar dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi dalam negeri.

Pertumbuhan dalam sektor pertanian dan perlombongan lebih kukuh masing-masing meningkat kepada 6.1% dan 4.2% pada suku ketiga (S2: 3.6% dan 1.2%). Pertumbuhan dalam sektor pertanian adalah menyeluruh, didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit, getah dan perhutanan yang lebih tinggi di samping pelbagai pertanian lain termasuk perikanan serta sayur-sayuran dan buah-buahan. Pertumbuhan sektor perlombongan pula didorong secara keseluruhan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, memandangkan pengeluaran gas asli merosot. Sementara itu, sektor pembinaan merosot sebanyak 3% (S2: -1.7%), disebabkan oleh aktiviti subsektor kejuruteraan awam yang lebih rendah. Ini, bagaimanapun telah diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang mapan dalam segmen kediaman dan bukan kediaman.

Pada suku ketiga, sektor swasta terus menjadi peneraju utama kepada permintaan dalam negeri, dalam suasana konsolidasi fiskal sektor awam yang berterusan. Pengembangan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh penggunaan isi rumah yang lebih kukuh serta aktiviti pelaburan swasta yang mapan. Penggunaan swasta meningkat dengan nyata sebanyak 10.8%, disokong oleh peningkatan yang mapan dalam pendapatan boleh guna hasil daripada perolehan eksport yang lebih tinggi dan harga

komoditi yang menggalakkan, keadaan guna tenaga yang stabil, inflasi yang rendah serta kadar faedah yang rendah.

Pembentukan modal tetap kasar terus meningkat sebanyak 3.2% (S2: 3.5%), disokong terutamanya oleh aktiviti pelaburan swasta yang mapan berikutan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terus berkurangan. Pengurangan dalam perbelanjaan tersebut telah menyebabkan penurunan defisit fiskal kepada 1.3% daripada KDNK pada suku ketiga. Pertumbuhan dalam pelaburan swasta, yang pulih semenjak suku ketiga 2003, adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi, dengan beberapa industri beroperasi hampir pada kapasiti penuh. Tahap penggunaan kapasiti yang tinggi bersama-sama dengan keuntungan korporat yang bertambah baik serta keadaan pembiayaan yang menggalakkan telah mendorong pelaburan dalam projek baru di samping peningkatan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan untuk tujuan mempertingkatkan kapasiti. Penunjuk pelaburan swasta yang utama, iaitu kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada perniagaan dan sektor pembinaan, import barangan modal dan jualan kenderaan komersial jelas menunjukkan bahawa aktiviti pelaburan swasta terus mapan. Keadaan ini turut disokong oleh Kajiselidik Keyakinan Perniagaan oleh MIER bagi suku ketiga, yang menunjukkan Indeks Keyakinan Perniagaan berada pada paras 110.2 mata, melebihi paras ambang 100 mata. Ini pada dasarnya mencerminkan pengembangan yang berterusan dalam sektor perkilangan. Pelaburan dalam negeri turut disokong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi, terutama ke sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas pada suku ketiga.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dicapai dalam suasana inflasi yang rendah dengan harga pengguna hanya meningkat sedikit kepada 1.5% pada suku ketiga (S2: 1.2%). Sebaliknya, Indeks Harga Pengeluar menunjukkan trend yang meningkat pada suku tersebut, mencerminkan sebahagian besarnya harga komoditi yang lebih kukuh. Sementara itu, keadaan pasaran buruh terus stabil, disokong oleh peningkatan dalam produktiviti yang kekal mapan, seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan dalam nilai jualan benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan sebanyak 18.3%,yang jauh melebihi kenaikan 2% dalam upah benar bagi setiap pekerja.

Pada suku ketiga, kedudukan imbangan pembayaran Malaysia kekal teguh, dengan lebihan dagangan meningkat kepada RM22.7 bilion (S2: RM18.1 bilion) hasil daripada pertumbuhan eksport dan import kasar yang masing-masing meningkat dengan nyata sebanyak 26.9% dan 29.9% (S2 : 22% dan 32.1%). Pertumbuhan eksport didorong oleh pertumbuhan eksport barangan perkilangan dan galian yang lebih kukuh, sementara hasil eksport pertanian hanya meningkat dengan sederhana. Secara keseluruhan, jumlah yang dieksport meningkat sebanyak 21.1% dan harga meningkat 6.5%. Sementara itu, harga eksport bagi beberapa komoditi utama yang penting, termasuk minyak mentah, LNG dan getah adalah nyata lebih tinggi pada suku ketiga. Bahagian pasaran eksport ke rantau ini kekal tinggi pada 43.6%,

sementara bahagian pasaran ke AS ialah 19.5%, dan ke EU, 11.7%.

Peningkatan kukuh dalam import kasar adalah menyeluruh. Import barangan pengantara yang mencakupi bahagian yang besar daripada jumlah import, meningkat sebanyak 25.9% sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi dalam negeri terutamanya sektor perkilangan. Antara input yang diimport yang mencatat peningkatan ketara ialah bekalan perindustrian, alat ganti perkakas elektrik serta bahan binaan. Import barangan modal juga lebih kukuh dengan peningkatan sebanyak 30.4%, sementara import barangan modal tidak termasuk barangan *'lumpy'* meningkat sebanyak 26.1%. Seiring dengan penggunaan swasta yang lebih tinggi, import barangan pengguna melonjak sebanyak 37.8% pada suku ketiga.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI), pelaburan luar negeri dan pelaburan portfolio meningkat pada suku ketiga. Aliran masuk kasar FDI adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM4.1 bilion dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan serta minyak dan gas. Aliran keluar kasar pelaburan luar negeri meningkat sekali ganda pada suku ketiga terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, minyak dan gas serta perkilangan. Pelaburan portfolio juga mencatat aliran masuk bersih pada suku ketiga sejajar dengan sentimen di bursa saham yang bertambah baik serta minat asing yang terus mapan dalam sekuriti hutang Malaysia. Hasil daripada aliran masuk FDI dan dana portfolio pada suku ketiga serta penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, kedudukan rizab antarabangsa meningkat ke paras RM231.4 bilion (AS$60.9 bilion) pada 12 November 2004. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan merupakan 5.6 kali hutang luar negeri jangka pendek. Berikutan kebimbangan tentang harga minyak yang dijangka terus meningkat serta kesannya ke atas ekonomi global, khususnya ekonomi AS, sentimen ke atas dolar AS merosot. Oleh itu, ringgit susut nilai berbanding euro tetapi mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Pada suku ketiga, sektor kewangan terus menyokong pertumbuhan. Sejajar dengan permintaan yang kukuh daripada segmen perniagaan dan isi rumah, pembiayaan sektor swasta kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan 7.5% kepada RM133.6 bilion. Jumlah ini lebih tinggi daripada paras yang dicatat pada dua suku tahunan sebelum ini dan mencerminkan pengeluaran pinjaman bank yang lebih banyak serta penerbitan PDS yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan jumlah PDS meningkat pada kadar tahunan 8% pada akhir bulan September (8.2% pada akhir bulan Jun). Berbanding dengan suku kedua, kadar pertumbuhan bagi kebanyakan penunjuk pinjaman pada suku ketiga adalah lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang tinggi.

Jumlah pengeluaran pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah pada suku ketiga

masing-masing meningkat pada kadar tahunan 5% dan 11.3%. Pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (37.4% daripada jumlah pengeluaran kepada sektor perniagaan) dan sektor borong, runcit, restoran dan hotel (25.8%). Dalam sektor perniagaan, pengeluaran pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat pada kadar tahunan 12.8%. Sejumlah RM8.7 bilion diluluskan kepada 25,379 akaun PKS pada suku ketiga, iaitu peningkatan daripada RM8.4 bilion yang dikeluarkan kepada 22,161 akaun PKS pada suku kedua. Perkembangan penting pada suku ketiga ialah penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan pada bulan Ogos bagi menyelaras inisiatif dasar dan memastikan langkah-langkah pelaksanaan dasar yang efektif untuk membangunkan sektor ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mereformasi struktur kewangan, tiga penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan telah dilaksanakan. Ini menyebabkan sedikit pelarasan teknikal ke atas kadar pinjaman asas (BLR) dan kadar pemberian pinjaman purata (ALR). Sungguhpun terdapat pelarasan tersebut, BLR purata bagi kesemua bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada paras 5.98% dan 6.90% pada akhir bulan September.

Pada suku ketiga, pengembangan wang secara luas, M3, sebanyak 10.6% secara umumnya adalah hampir sama dengan kadar pertumbuhan yang dicatat pada suku kedua (10.7%). Dari segi nilai mutlak, M3 mencatat pengembangan suku tahunan yang lebih besar disebabkan aliran masuk dari luar negeri yang lebih tinggi hasil daripada penghantaran balik perolehan eksport serta aliran masuk FDI dan dana portfolio. Peningkatan ini juga didorong oleh peningkatan yang mapan dalam tuntutan ke atas sektor swasta. Sementara itu, M1 mencapai kadar pertumbuhan tahunan dua angka seiring dengan perkembangan dalam aktiviti penggunaan swasta.

Sistem Perbankan Kekal Teguh

Prestasi sistem perbankan kekal teguh pada suku ketiga dengan kualiti aset bertambah baik ketika aktiviti pemberian pinjaman berkembang. Di samping itu, tahap permodalan kekal kukuh meskipun terdapat sedikit kemerosotan, berikutan selesainya usaha penggabungan Bafin dengan tiga buah bank perdagangan dan tiga buah syarikat kewangan. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan masing-masing berada pada 13.8% dan 11.3% pada suku ketiga. Tahap permodalan sistem perbankan dijangka bertambah baik apabila mengambil kira keuntungan yang diaudit. Keuntungan sistem perbankan kekal menggalakkan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.8 bilion dicatat pada suku ketiga berbanding dengan RM2.4 bilion pada suku yang sama tahun lepas.

NPL bersih berasaskan klasifikasi 6 bulan terus menunjukkan trend menurun untuk mencakupi 6.1% daripada jumlah pinjaman bersih, iaitu paras terendah semenjak krisis Asia (S2: 6.2%). Perkembangan yang

menggalakkan ini disebabkan terutamanya oleh berkurangnya NPL baru dan hapus kira pinjaman yang lebih tinggi.

Prospek jangka masa terdekat Malaysia kekal menggalakkan meskipun terdapat tanda-tanda penyederhanaan dalam trend pertumbuhan global …

Prospek pertumbuhan global dijangka memperlihatkan trend yang lebih mapan dalam suasana harga minyak yang tinggi dan kadar faedah yang terus meningkat. Walaupun pertumbuhan suku ketiga AS terus meningkat disebabkan oleh pelaburan yang bertambah dan penggunaan yang melebihi jangkaan, pertumbuhan ekonomi negara tersebut dijangka menyederhana kepada tahap pengembangan yang lebih mapan memandangkan rangsangan monetari dikurangkan secara perlahan-lahan. Meskipun momentum pertumbuhan di Eropah dan Jepun telah disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh, namun tanda-tanda pertumbuhan eksport yang lebih perlahan mulai timbul. Walau bagaimanapun, di Jepun, keadaan ini dijangka diimbangi oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dalam suasana pasaran pekerjaan yang stabil. Sementara itu, permintaan eksport rantau Asia terus kukuh sungguhpun terdapat sedikit penurunan, khususnya elektronik, pada penghujung suku ketiga. Prospek pertumbuhan rantau Asia dijangka kekal kukuh, disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh di kebanyakan negara serantau serta keadaan pasaran pekerjaan yang stabil.

Walaupun terdapat sedikit penyederhanaan dalam trend pertumbuhan global, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal mapan, dipacu terutamanya oleh sektor swasta berikutan konsolidasi fiskal sektor awam. Beberapa penunjuk pelopor menunjukkan pertumbuhan akan kekal menggalakkan. Kadar pertumbuhan Indeks Pelopor bagi bulan Ogos yang bertambah baik menunjukkan pertumbuhan akan terus memuaskan sehingga awal tahun 2005, sementara kenaikan dalam Indeks Sentimen Pengguna bagi suku ketiga mencerminkan keyakinan pengguna yang berterusan.

Harga minyak dunia yang terus tinggi juga akan memberi kesan ke atas ekonomi Malaysia. Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka dan pengeksport bersih minyak yang kecil, Malaysia mempunyai daya tahan yang lebih kukuh terhadap perkembangan tersebut. Oleh itu, kesan langsung harga minyak yang tinggi akan terus memberi faedah kepada Malaysia dari segi lebihan dagangan dan hasil pendapatan kasar Kerajaan yang lebih tinggi. Tekanan inflasi dijangka minimum kerana minyak mencakupi bahagian yang kecil dalam kumpulan penggunaan bagi pengguna biasa manakala kesan *"pass-through"* juga adalah kecil berikutan peningkatan dalam kecekapan penggunaan minyak. Risiko tidak langsung muncul daripada implikasi permintaan luar negeri daripada rakan dagangan Malaysia sekiranya harga minyak berterusan tinggi sehingga tahun 2005. Data perdagangan Malaysia bagi sembilan bulan pertama tahun ini walau bagaimanapun, masih kukuh dengan eksport mineral termasuk minyak, menjana perolehan eksport yang nyata lebih tinggi. Oleh itu, secara keseluruhan, Malaysia dijangka terus mendapat kesan

yang positif daripada harga minyak yang tinggi dalam jangka masa terdekat.

Sementara Kerajaan meneruskan proses konsolidasi fiskalnya, pertumbuhan ekonomi akan terus dipacu oleh sektor swasta, terutamanya melalui pengembangan permintaan dalam negeri berikutan penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Walaupun terdapat jangkaan permintaan global akan menjadi sederhana sedikit, sentimen perniagaan dan pengguna yang positif menunjukkan penggunaan swasta akan kekal menggalakkan, disokong oleh pendapatan yang meningkat dalam keadaan pasaran pekerja yang stabil, sementara tekanan ke atas inflasi dijangka kekal rendah dan dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, pelaburan swasta yang meningkat semenjak tahun 2003 akan terus disokong oleh aliran masuk FDI baru dan pelaburan semula. Penunjuk pelaburan ke hadapan menunjukkan trend aktiviti pelaburan yang terus meningkat seperti kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi termasuk kepada sektor PKS; import barangan modal; penjualan kenderaan perdagangan; serta pengembangan pelaburan untuk meningkatkan kapasiti. Pada masa yang sama, langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan sistem penghantaran Kerajaan dan urus tadbir korporat akan terus mewujudkan suasana pelaburan yang lebih baik. Seterusnya, pelaburan dijangka bertambah dalam bidang pertumbuhan baru seperti subsektor ICT dan perkhidmatan perkongsian, pertanian serta aktiviti teknologi yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Sumber pertumbuhan baru yang berpotensi ini juga akan mendapat faedah daripada beberapa insentif yang diperkenalkan dalam Bajet 2005. Secara keseluruhan, sektor perbankan berada pada kedudukan yang teguh untuk menyokong dan membiayai pertumbuhan ekonomi, seperti digambarkan oleh kecukupan modal sistem perbankan, sementara trend nisbah NPL semakin menurun. Pada masa hadapan, faktor-faktor pendorong pelaburan ini akan terus merangsang aktiviti pelaburan swasta yang lebih tinggi.

Dalam suasana potensi global yang kurang memberangsangkan, Malaysia akan terus menyediakan dasar yang akan menyokong proses pertumbuhan di samping memperkukuh keupayaan negara untuk menghadapi perkembangan luaran.

PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU KETIGA 2004

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan negara utama dan ekonomi serantau kekal mapan, walaupun harga minyak meningkat

Aktiviti ekonomi global kekal mantap pada suku ketiga, didorong oleh pertumbuhan pesat di Amerika Syarikat (AS), pemulihan ekonomi yang berterusan di Jepun dan Eropah, sementara pertumbuhan di rantau Asia kekal kukuh.

Pertumbuhan KDNK **AS** bertambah kukuh kepada 3.7% pada suku ketiga, didorong oleh pelaburan serta pertumbuhan penggunaan (4.6%) yang melebihi jangkaan. Sungguhpun keyakinan pengguna AS menurun sedikit disebabkan oleh harga minyak yang tinggi, penunjuk utama seperti jualan rumah, jualan runcit dan pendapatan individu masih kekal kukuh. Dengan kadar inflasi kekal rendah, *Federal Reserve* terus melaksanakan dasar monetari yang ketat, menaikkan kadar faedah untuk kali ketiga pada 21 September sebanyak 25 mata asas kepada 1.75%. Di **kawasan euro**, pertumbuhan KDNK kekal mapan pada 1.9% (S2 2004: 2%), diperkukuh oleh sektor luar negeri manakala permintaan dalam negeri kekal lemah. Ekonomi **United Kingdom** kekal kukuh, tetapi pertumbuhan adalah sederhana berikutan perkembangan yang lembab dalam sektor industri dan kesan dasar monetari yang ketat. Sementara itu, di **Jepun**, pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan kepada 0.3%, walaupun disokong oleh penggunaan swasta, berikutan eksport dan perbelanjaan modal yang lemah.

Negara-negara maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2003		2004			Faktor Penyumbang Utama Kepada Pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS [1]	7.4	4.2	4.5	3.3[s]	3.7	Pertumbuhan yang lebih kukuh dalam perbelanjaan pengguna menyokong pertumbuhan pada S3.
UK	2.2	2.9	3.4	3.6[s]	3.1	Pertumbuhan dipengaruhi terutamanya oleh pemerlahanan sektor industri.
Jerman	-0.3	0.2	1.5	1.9[s]	1.3	Pertumbuhan sederhana, diketuai oleh peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan, tetapi dipengaruhi oleh penurunan dalam eksport.
Jepun [1]	2.3	7.6	6.3	1.1[s]	0.3	Pertumbuhan dipacu oleh penggunaan swasta, sementara eksport dan perbelanjaan modal berkurangan.

[1] berasaskan kadar tahunan
[s] semak semula
Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Pada suku ketiga, harga hadapan minyak global meningkat kira-kira 28.1% kepada AS$49.63 setong pada akhir bulan September 2004. Harga minyak terus meningkat untuk mencecah tahap AS$50 setong pada bulan Oktober 2004 (harga tertinggi ialah AS$55.67 pada 25 Oktober) sebelum menurun kepada AS$45.25 setong pada 15 November. Harga minyak yang kukuh didorong oleh ketidakpastian geopolitik, kemungkinan gangguan bekalan di negara OPEC (Iraq, Nigeria) dan bukan OPEC (Russia) dan permintaan global yang kukuh.

Di **rantau Asia**, pertumbuhan ekonomi kekal menggalakkan meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan ekonomi adalah menyeluruh dan disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam eksport dan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport menunjukkan tanda-tanda pengurangan pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh

kitaran elektronik global yang mulai perlahan. Pertumbuhan ekonomi di rantau ini diterajui oleh R.R. China, walaupun momentum pertumbuhannya telah menyederhana disebabkan oleh langkah-langkah ketat kerajaan untuk mengawal pertumbuhan kredit.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2003		2004			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
R.R. China	9.6	9.9	9.8	9.6	9.1	-Pertumbuhan menyeluruh yang berterusan berserta pengembangan dalam eksport dan jualan runcit. -Sedikit pengurangan dalam pertumbuhan S3 disebabkan usaha-usaha pentadbiran.
Singapura	1.7	4.9	7.5	12.5	7.5	-Dipacu oleh pertumbuhan dua angka dalam eksport. -Pengembangan lebih perlahan dalam sektor perkilangan terutamanya bio-perubatan.
Korea	2.4	3.9	5.3	5.5	4.6	-Didorong oleh eksport yang kukuh dan pengembangan pelaburan.
Chinese Taipei	4.0	5.7	6.7	7.9	5.3	-Pertumbuhan menyeluruh diterajui oleh pertumbuhan eksport yang kukuh.
Indonesia	3.7	4.1	5.0	4.5	5.0	-Pengembangan berterusan bagi penggunaan domestik.

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

Pada suku ketiga, kadar **inflasi** terus meningkat disebabkan harga minyak yang melonjak di samping peningkatan yang berterusan bagi harga makanan serta kesan akibat wabak selesema burung yang melanda Asia. Di Hong Kong, tekanan deflasi bertukar arah dengan harga pengguna mencatat peningkatan sebanyak 0.8% berikutan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh serta harga makanan dan petroleum yang lebih tinggi. Ini merupakan peningkatan positif yang pertama semenjak suku ketiga tahun 1998. Hanya Singapura yang merekodkan kadar inflasi yang lebih rendah disebabkan oleh penurunan dalam kos perumahan dalam keadaan pasaran harta tanah yang lemah. Inflasi bagi negara-negara lain di rantau ini semuanya meningkat.

Taiwan dan Thailand meningkatkan kadar faedah masing-masing pada suku ketiga, diikuti oleh R.R. China dan India pada bulan Oktober untuk mengawal tekanan inflasi yang meningkat. R.R. China telah meningkatkan kadar faedah untuk mengatasi kebimbangan mengenai keadaan kemeruapan. Walau bagaimanapun, Korea telah mengurangkan kadar faedah untuk merangsang permintaan dalam negeri yang lemah.

Perkembangan ekonomi global masa hadapan dijangka kekal memuaskan walaupun akan perlahan sedikit akibat harga minyak yang tinggi. Walaupun keadaan pasaran pekerja semakin pulih, kadar inflasi rendah dan pertumbuhan adalah kukuh, Federal Reserve terus meningkatkan kadar faedah secara berperingkat-peringkat, dengan peningkatan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 2% pada 10 November. Di Jepun, data inflasi yang diumumkan pada bulan September dilihat sebagai tanda deflasi akan berakhir dan ekonominya dijangka menghadapi inflasi pada tahun hadapan. Sementara itu, perkembangan ekonomi rantau Asia pada masa hadapan dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh keadaan pekerjaan yang stabil dan perbelanjaan pengguna yang positif. Walau bagaimanapun, pertumbuhan serantau dijangka perlahan ketika permintaan elektronik global semakin lembab, harga minyak yang tinggi dan peningkatan dalam trend kadar faedah global.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan adalah menyeluruh

Pada suku ketiga tahun 2004, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi yang utama, iaitu perkilangan, perkhidmatan dan komoditi utama. Sektor perkilangan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri. Aktiviti di sektor perkhidmatan juga kekal kukuh disokong oleh penggunaan serta aktiviti berkaitan perdagangan dan pelancongan, sementara prestasi sektor komoditi utama bertambah baik pada suku tersebut. Prestasi sektor pembinaan yang lebih lemah adalah disebabkan terutamanya oleh aktiviti yang lebih perlahan di subsektor kejuruteraan awam.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.9	1.9	3.2	3.6	6.1
Perlombongan	1.2	5.3	5.8	1.2	4.2
Perkilangan	8.3	12.2	12.7	11.9	9.9
Pembinaan	2.4	2.7	0.6	-1.7	-3.0
Perkhidmatan	4.9	4.7	6.6	7.8	6.1
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**5.3**	**6.6**	**7.8**	**8.2**	**6.8**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**4.3**	**2.7**	**-3.5**	**4.7**	**2.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor perkilangan kukuh

Pertumbuhan pengeluaran perkilangan kekal pada kadar dua angka sebanyak 11.5% pada suku ketiga 2004 (S2 2004:15.7%). **Sektor perkilangan** terus menjadi peneraju utama pertumbuhan dengan peningkatan dalam nilai ditambahnya sebanyak 9.9%. Aktiviti industri berorientasikan eksport dipengaruhi sebahagian besarnya oleh trend elektronik global serta kesan tidak langsung kepada industri kimia. Pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri pula adalah lebih tinggi hasil daripada permintaan dalam negeri yang kukuh dan eksport yang

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Prestasi Sektor Perkilangan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	% Perubahan Tahunan				
Nilai ditambah (harga malar)	**8.3**	**12.2**	**12.7**	**11.9**	**9.9**
Pengeluaran Keseluruhan	**10.1**	**15.7**	**16.5**	**15.7**	**11.5**
Industri berorientasikan eksport antaranya:	**11.5**	**17.7**	**19.3**	**18.2**	**12.3**
- Elektronik	14.0	30.4	34.1	33.0	26.3
- Barangan Elektrik	-11.9	-3.5	-6.9	-7.7	-8.8
- Tekstil & pakaian	0.4	-11.1	-10.8	-7.8	-13.6
- Bahan kimia dan keluaran kimia	20.2	22.7	16.9	18.2	7.6
- Pemprosesan luar estet	17.1	0.0	3.3	-5.9	1.5
- Keluaran getah	26.2	23.9	24.1	21.2	7.8
- Kayu dan keluaran kayu [1]	1.1	-0.9	13.9	20.9	11.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri antaranya:	**6.0**	**8.8**	**7.6**	**7.5**	**8.8**
- Kelengkapan pengangkutan	-3.8	3.4	0.8	10.0	6.3
- Keluaran logam yang direka	0.5	17.5	35.4	23.9	46.2
- Besi & keluli dan logam bukan ferum	13.7	13.3	6.2	9.0	-3.9
- Keluaran galian bukan logam	9.2	8.3	-1.2	-8.6	-4.5
- Keluaran petroleum	-6.5	-1.2	-1.9	-5.1	11.6
- Makanan	15.5	7.2	7.3	7.6	-1.6
Jumlah Eksport Perkilangan	**4.9**	**14.1**	**17.3**	**20.6**	**26.5**
- Elektronik dan barangan elektrik	3.2	13.2	14.9	17.8	20.5
- Keluaran kayu	-2.3	9.7	28.2	32.2	47.1
- Barangan perabot	3.3	18.2	14.5	14.8	24.0
- Tekstil, pakaian & kasut	-1.2	0.3	16.6	21.1	19.3
- Peralatan optikal & saintifik	6.2	12.5	11.4	33.2	37.0
- Bahan kimia dan keluaran kimia	13.9	24.4	25.2	28.0	43.5
- Keluaran petroleum	5.2	10.5	20.0	26.0	68.1

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

lebih tinggi. Kadar penggunaan kapasiti secara keseluruhan kekal tinggi pada tahap 80%, dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada paras 83% dan 75% (S2 2004: masing-masing 85% dan 74%).

Pengeluaran industri berorientasikan eksport meningkat sebanyak 12.3% (S2 2004:18.2%), dipengaruhi oleh kitaran elektronik global yang telah menunjukkan tanda-tanda memuncak pada suku kedua 2004, serta kesan limpahan ke atas industri berkaitan dalam kelompok industri kimia. Selain daripada plastik dan resin yang berkaitan dengan industri elektronik, industri kimia juga dipengaruhi oleh penurunan dalam pengeluaran gas industri pada suku tersebut, sejajar dengan penurunan pengeluaran gas asli. Sementara itu, industri yang berasaskan sumber terus mencatatkan pertumbuhan, terutamanya industri kayu dan keluaran kayu yang disokong oleh permintaan dari negara serantau.

Industri berorientasikan pasaran dalam negeri mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sedikit sebanyak 8.8%, didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri keluaran logam yang direka (46.2%), pemulihan dalam industri minuman (9.5%) dan pengembangan dalam industri kelengkapan pengangkutan (6.3%). Pengeluar-pengeluar dalam industri keluaran logam yang direka, terutama yang mengeluarkan bolt dan nat, paip gas dan paip air serta struktur logam untuk bangunan dan kontena, meningkatkan pengeluaran mereka, dirangsang oleh permintaan yang tinggi dari negara serantau dan kenaikan dalam harga. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan disokong oleh permintaan pengguna yang mapan bagi kenderaan penumpang seperti yang ditunjukkan oleh jualan kereta yang lebih tinggi serta eksport motosikal dan skuter yang tinggi ke negara serantau.

Asas pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkhidmatan

Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.1%, mencerminkan asas pertumbuhan yang kukuh dalam semua subsektor, yang disokong oleh penggunaan serta aktiviti berkaitan pelancongan dan perdagangan yang kukuh. Perjalanan penumpang yang lebih pesat berikutan aktiviti pelancongan yang menggalakkan serta pertumbuhan jumlah kargo yang mapan, menyumbang secara positif kepada subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Subsektor tersebut juga didorong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri telekomunikasi, terutamanya segmen selular yang mendapat manfaat daripada inovasi produk dan penggunaan data mudah alih yang

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**6.5**	**5.8**	**7.4**	**7.8**	**6.2**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	5.7	8.0	7.8	9.0	7.4
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	6.9	4.6	7.2	7.1	5.5
Perkhidmatan Akhir	**3.8**	**3.9**	**6.0**	**7.8**	**6.0**
Elektrik, gas dan air	4.7	5.5	8.8	8.7	7.6
Perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran	1.8	3.1	5.8	10.1	5.9
Perkhidmatan Kerajaan	7.3	5.1	5.7	4.3	6.9
Perkhidmatan lain	3.8	3.4	5.1	6.7	4.5
Jumlah Perkhidmatan	**4.9**	**4.7**	**6.6**	**7.8**	**6.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

semakin popular. Pada suku ketiga, bilangan pelanggan telefon selular meningkat lagi melebihi 13 juta, menyebabkan kadar penembusan meningkat kepada 50.7% (S2 2004: 48.5%).

Sementara itu, subsektor perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel terus berkembang sebanyak 5.9%. Berbanding dengan suku sebelumnya, pertumbuhan adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 4.5% (S2 2004: 0.4%). Aktiviti disokong oleh sentimen pengguna yang kukuh dan diperkuat oleh peningkatan yang memberangsangkan dalam ketibaan pelancong (51.5%), terutamanya pelancong dari Asia Barat yang berbelanja besar semasa cuti musim panas. Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 5.5% disokong oleh kenaikan dalam pemberian pinjaman bank dan aktiviti insurans yang kukuh. Subsektor elektrik, gas dan air terus berkembang untuk memenuhi peningkatan dalam permintaan daripada kesemua pengguna.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih
Sektor Perkhidmatan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Penunjuk berkaitan pelancongan					
Kadar Penginapan Hotel (%)	57.1	59.3	56.4	58.4	65.6
Ketibaan pelancong	-24.2	3.8	38.4	127.4	51.5
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang di Malaysia	3.4	10.7	10.8	44.6	15.2
Penunjuk berkaitan penggunaan					
Jumlah kredit penggunaan	11.6	11.1	11.4	13.3	14.7
Import barangan pengguna	-9.8	6.5	14.3	26.4	37.8
Jumlah jualan kenderaan penumpang	-9.5	-11.7	-3.3	18.8	19.6
Kadar penembusan telefon bimbit(%)	41.1	43.9	46.2	48.5	50.7
Penunjuk berkaitan perdagangan					
Kargo yang dikendali (Kesemua lapangan terbang)	3.7	2.9	6.6	11.3	13.7
Kargo kontena yang dikendali (Port Klang dan PTP)	14.5	11.2	15.8	17.8	8.3
Hasil Kargo (Kereta api)	0.0	10.3	-1.2	-0.4	19.9

Sektor komoditi utama mencatat pertumbuhan lebih tinggi

Sektor komoditi utama mencatat prestasi yang menggalakkan pada suku ketiga 2004, dengan pertumbuhan pesat dalam sektor pertanian (6.1%; S2 2004: 3.6%) dan sektor perlombongan (4.2%; S2 2004: 1.2%). Pertumbuhan dalam sektor pertanian adalah meluas, dengan kesemua subsektor utama, terutamanya minyak sawit, getah, perhutanan, koko, perikanan dan pertanian lain (termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran) mencatat pengeluaran yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan pula didorong secara keseluruhan oleh peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah, sementara pengeluaran gas asli merosot.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah menunjukkan pemulihan yang ketara dengan peningkatan sebanyak 5.2% pada suku tersebut (S2 2004: -3.6%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak (12.2%). Pertumbuhan di negeri-negeri Timur Malaysia didorong secara keseluruhan oleh perluasan dalam kawasan matang, di samping peningkatan hasil dari kawasan yang ditanam semula. Hasil, seperti yang diukur oleh tandan buah segar dan kadar perahan minyak (OER) di kedua-dua buah negeri tersebut adalah lebih tinggi daripada kadar purata nasional, masing-masing sebanyak 5.22 tan sehektar dan

21.17% berbanding dengan kadar purata nasional sebanyak 5.15 tan sehektar dan 20.11%. Industri minyak sawit Malaysia juga mencatatkan dua pencapaian bersejarah pada suku tersebut: pengeluaran tertinggi (September 2004: 1.49 juta tan) dan OER tertinggi (Ogos 2004: 20.48%). Pada suku ketiga 2004, pengeluaran getah kekal kukuh pada kadar 23.1%. Pekebun kecil, yang mencakupi 95% daripada jumlah pengeluaran, meningkatkan aktiviti penorehan mereka untuk meraih faedah daripada harga yang kekal tinggi (435 sen sekilogram; S2 2004: 476 sen sekilogram). Pertumbuhan pengeluaran getah juga disebabkan oleh kenaikan dalam produktiviti melalui penggunaan teknologi penorehan baru, seperti skim penorehan berintensiti rendah *(LITS)*, yang mendorong peningkatan dalam hasil.

Subsektor perhutanan turut mencatat prestasi yang menggalakkan pada suku tersebut disebabkan oleh permintaan yang meningkat dari industri berasaskan kayu. Perikanan turut mencatat peningkatan sebanyak 2.6%, didorong secara keseluruhan oleh pendaratan ikan marin yang lebih tinggi (3.3%). Setelah merekodkan kemerosotan pengeluaran selama lima suku tahunan berturut-turut, koko mencatat pertumbuhan yang pertama pada suku ketiga tahun ini, dengan peningkatan ketara sebanyak 17.7% (S2 2004: -8.5%). Pertumbuhan ini disebabkan berkurangnya gejala jangkitan *black pod* yang telah menjejaskan hasil pengeluaran pada suku-suku sebelumnya, dan juga penggunaan input pertanian yang lebih baik dirangsang oleh harga koko yang tinggi (RM5,081 setan; S2 2004: RM4,617 setan). Pertanian lain, termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran, turut mencatat pertumbuhan pengeluaran lebih tinggi pada suku tersebut.

Prestasi Sektor Pertanian

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**5.9**	**1.9**	**3.2**	**3.6**	**6.1**
Pengeluaran [1] antaranya:					
Minyak sawit mentah	15.2	5.4	2.5	-3.6	5.2
Minyak isirung sawit mentah	20.6	3.4	3.7	-10.9	-3.5
Getah	6.1	12.4	23.4	32.9	23.1
Biji koko	-56.8	-42.0	-33.5	-8.5	17.7
Eksport (RM juta) antaranya:	**28.1**	**14.8**	**13.8**	**11.4**	**4.2**
Minyak sawit					
('000 tan)	36.1	0.7	5.1	-12.7	-14.0
(RM/tan)	7.3	10.6	6.5	16.9	5.9
(RM juta)	46.0	11.4	11.9	2.1	-8.9
Minyak isirung sawit					
('000 tan)	80.9	42.4	35.4	20.4	-39.9
(RM/tan)	-1.9	10.3	27.8	61.6	55.9
(RM juta)	77.4	57.0	73.1	94.5	-6.4
Getah					
('000 tan)	-6.7	9.7	23.4	12.1	15.7
(sen/kilogram)	26.8	36.1	36.5	35.9	28.5
(RM juta)	18.3	49.4	68.4	52.3	48.7
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	98.4	261.2	2.8	-28.0	-42.1
(RM/meter padu)	-49.8	-70.8	-9.6	31.9	95.2
(RM juta)	-0.4	5.6	-7.1	-5.0	13.0
Kayu balak					
('000 meter padu)	-11.3	9.9	-13.5	-11.0	22.8
(RM/meter padu)	-7.3	-5.7	1.0	19.6	7.3
(RM juta)	-17.8	3.7	-12.6	6.4	31.8
Biji koko					
('000 tan)	-74.3	-53.6	-76.0	-8.3	53.8
(RM/tan)	11.9	-11.0	-20.3	-12.9	-5.8
(RM juta)	-71.3	-58.7	-80.9	-20.1	44.8

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sektor perlombongan meningkat sebanyak 4.2% (S2 2004: 1.2%), didorong sepenuhnya oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) meningkat sebanyak 4.9%, kepada purata 760,560 tong sehari pada suku tersebut (S2 2004: 738,435 tong sehari) dalam keadaan permintaan luaran yang kukuh dan harga yang tinggi. Harga minyak mentah *Tapis Blend* Malaysia bertambah kukuh sebanyak 20% berbanding dengan suku

Prestasi Sektor Perlombongan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga tahun 1987)	**1.2**	**5.3**	**5.8**	**1.2**	**4.2**
Pengeluaran antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	2.4	6.4	8.0	-0.2	4.9
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	-1.0	5.2	2.3	4.0	-1.4
Eksport (RM juta) antaranya:	**21.3**	**26.1**	**15.4**	**43.9**	**50.0**
Minyak mentah					
('000 tan)	15.6	19.3	4.1	4.5	7.8
(AS$/tong)	7.0	12.6	4.4	33.6	50.6
(RM juta)	23.6	34.3	8.6	39.6	62.3
Gas asli cecair					
('000 tan)	9.3	16.7	18.3	34.1	8.4
(RM/tan)	11.8	-0.1	-2.3	1.5	12.0
(RM juta)	22.1	16.6	15.6	36.0	21.4

sebelumnya kepada purata AS$45.10 (pertumbuhan tahunan: 54%) dan mengatasi paras AS$50 setong pada akhir bulan September. Permintaan untuk minyak mentah Malaysia yang berjenis *"light and sweet"* adalah kukuh disebabkan oleh kekangan penawaran minyak jenis tersebut di pasaran antarabangsa. Sementara itu, pengeluaran gas asli merosot sedikit pada suku tersebut sebanyak 1.4% kepada 8,061 juta tan (S2 2004: 8,689 juta tan) disebabkan oleh penutupan loji MLNG di Sarawak untuk tujuan penyelenggaraan.

Aktiviti pembinaan lemah

Sektor pembinaan terus menguncup sebanyak 3% (S2 2004: -1.7%) disebabkan terutamanya oleh aktiviti kejuruteraan awam yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, aktiviti dalam segmen kediaman dan bukan kediaman kekal mapan. Permintaan untuk harta tanah kediaman adalah disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kadar pinjaman perumahan yang rendah. Khususnya, permintaan terhadap rumah bertanah adalah kukuh. Aktiviti pembinaan dalam subsektor bukan kediaman turut mengembang disebabkan oleh permintaan yang mapan bagi ruang pejabat dan perniagaan, terutamanya bagi projek yang terletak di lokasi utama. Penarikan balik sekatan bagi pembiayaan perantara untuk pembangunan harta tanah baru-baru ini dijangka memberi kesan positif ke atas sektor pembinaan pada masa hadapan.

Penunjuk Pembinaan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	14.9	21.5	42.0	0.7	-31.9
Kelulusan perumahan	19.3	26.7	48.5	-15.2	-30.8
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	11.2	10.6	2.2	-0.8	-4.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	17.9	16.1	-36.8	31.7	39.0
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-23.7	17.8	14.5	51.4	-61.9

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	4.9	7.7	7.3	8.4	7.1
Penggunaan	5.6	9.5	9.0	10.8	8.9
Sektor swasta	7.0	8.6	8.4	11.4	10.8
Sektor awam	1.8	12.2	11.4	8.7	3.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.2	3.6	3.5	3.5	3.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	4.4	10.9	15.6	19.3	18.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	1.5	15.9	19.4	25.3	23.2
KDNK	**5.3**	**6.6**	**7.8**	**8.2**	**6.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri kekal kukuh, diterajui sektor swasta

Selaras dengan perkembangan dua suku tahunan yang pertama, sektor swasta kekal menjadi penyumbang utama pertumbuhan **permintaan dalam negeri**, manakala sektor awam terus mengalami proses konsolidasi fiskal seperti yang telah dirancangkan. Perkembangan permintaan dalam negeri didorong terutamanya oleh penggunaan isi rumah yang meningkat serta aktiviti pelaburan sektor swasta yang kekal mapan di samping sedikit sebanyak didorong oleh peningkatan penggunaan awam yang sederhana.

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 10.8% pada suku ketiga (S2 2004: 11.4%). Perbelanjaan pengguna lebih kukuh dengan peningkatan pendapatan boleh guna yang berterusan hasil daripada perolehan eksport dan harga komoditi yang tinggi. Kadar inflasi dan kadar faedah yang rendah serta pasaran pekerjaan yang stabil juga membantu menggalakkan penggunaan isi rumah.

Keyakinan pengguna yang bertambah baik dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) yang meningkat kepada 113.9 mata pada suku ketiga (S2 2004: 112.4 mata). Penunjuk-penunjuk penggunaan utama seperti import barangan penggunaan, penjualan kenderaan penumpang, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada isi rumah, perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel serta kredit penggunaan, merekodkan peningkatan yang kukuh. Penggunaan isi rumah juga didorong oleh

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih rendah



promosi jualan di seluruh negara sempena musim cuti sekolah pada bulan Ogos. Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat secara sederhana dengan perbelanjaan terus disalurkan kepada bekalan dan perkhidmatan serta emolumen.

Pembentukan modal tetap kasar terus meningkat pada kadar 3.2% pada suku ketiga (S2 2004: 3.5%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang kekal mapan memandangkan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun lagi. Pertumbuhan dalam pelaburan swasta adalah didorong oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi. Memandangkan pertumbuhan keluaran yang kukuh sejak suku ketiga 2003, syarikat-syarikat telah mengambil kesempatan daripada keuntungan korporat yang meningkat dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan untuk mempertingkatkan kapasiti. Aktiviti pelaburan adalah terutamanya untuk pelaburan yang berterusan dalam jentera dan

alat kelengkapan, pelaburan lebih tinggi dalam kelengkapan pengangkutan dan juga pengembangan kapasiti. Walaupun Indeks Keadaan Perniagaan MIER menurun kepada 110.2 mata pada suku ini (S2 2004: 124.1 mata), indeks ini masih melebihi paras 100 mata, memberi indikasi pengembangan sektor perkilangan masih lagi berterusan. Penunjuk-penunjuk utama pelaburan swasta yang lain, termasuk pinjaman diluluskan dan dikeluarkan kepada perniagaan dan pembinaan, import barangan modal dan jualan kenderaan komersial, turut mengesahkan bahawa pelaburan swasta masih berterusan. Di samping itu, pelaburan dalam negeri juga didorong oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi, terutamanya di sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas.

Sebagai mencerminkan langkah konsolidasi fiskal yang berterusan, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan terus menurun. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini disalurkan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan, pendidikan, perumahan serta pertanian dan pembangunan luar bandar.

Keyakinan pengguna terus mengukuh manakala keyakinan perniagaan kekal mapan



Inflasi meningkat sedikit

Kadar **inflasi**, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sedikit kepada 1.5% (S2 2004: 1.2%). Harga makanan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga pada suku kedua disebabkan oleh kenaikan harga makanan yang diambil dari luar rumah. Harga bagi produk minuman dan tembakau turut meningkat berikutan kenaikan dalam duti eksais yang diumumkan dalam Bajet 2005. Namun, harga yang lebih tinggi bagi produk-produk tersebut diimbangi sebahagian besarnya oleh kejatuhan atau kenaikan harga yang lebih perlahan bagi produk dan perkhidmatan pengguna yang lain.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 11.9% (S2 2004: 11.2%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah yang lebih tinggi. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR terlaras mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih rendah iaitu 1.8% pada suku ketiga (S2 2004: 2.6%).

Sumbangan kepada Inflasi



Keadaan pasaran pekerja kekal stabil

Keadaan **pasaran pekerja** pada suku ketiga kekal stabil, disokong oleh pertumbuhan produktiviti yang lebih kukuh. Bilangan kekosongan jawatan yang dilapor kepada pihak berkuasa (14,544 jawatan) jauh melebihi pemberhentian pekerja (2,879 orang) dan bilangan pencari kerja seramai 22,442 orang, merupakan jumlah terendah semenjak tujuh tahun yang lepas. Pertumbuhan produktiviti pekerja bagi suku ketiga, yang diukur oleh nilai jualan benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan, meningkat sebanyak 18.3%, melebihi peningkatan sebanyak 2% dalam upah benar bagi seorang pekerja.

Keadaan Pasaran Buruh Stabil



Eksport dan import mencatat pertumbuhan kukuh

Sejajar dengan perkembangan eksport perkilangan dan mineral yang kukuh, **akaun perdagangan** kekal kukuh dan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM22.7 bilion pada suku ketiga (S2 2004: RM18.1 bilion). Sementara eksport berkembang sebanyak 26.9%, import kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh iaitu 29.9%.

Imbangan perdagangan



Akaun Perdagangan

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport kasar	**7.9**	**15.2**	**17.3**	**22.0**	**26.9**
Perkilangan	4.9	14.1	17.3	20.6	26.5
Pertanian	28.1	14.8	13.8	11.4	4.2
Galian	21.3	26.1	15.4	43.9	50.0
Import kasar	**1.3**	**16.1**	**23.5**	**32.1**	**29.9**
Barangan modal	-1.7	14.7	23.2	26.8	30.4
Barangan pengantara	4.4	18.4	22.5	31.8	25.9
Barangan penggunaan	-9.8	6.5	14.3	26.4	37.8
Imbangan perdagangan (RM bil)	**19.9**	**19.9**	**19.2**	**18.1**	**22.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport kasar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 26.9% pada suku ketiga 2004 (S2 2004: 22%) didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam eksport perkilangan dan mineral, dan pengembangan yang berterusan dalam eksport pertanian. Pertumbuhan disokong oleh peningkatan dalam jumlah eksport (21.1%) dan harga (6.5%). Harga eksport komoditi, seperti minyak mentah, kayu siap digergaji, gas asli cecair dan getah meningkat dengan nyata pada suku tersebut.

Eksport barangan perkilangan terus berkembang sebanyak 26.5% (S2 2004: 20.6%), didorong oleh permintaan yang tinggi terhadap keluaran berasaskan sumber

terutamanya produk berkaitan logam, kayu, kimia dan petroleum serta eksport barangan elektrik dan elektronik yang terus berkembang. Pertumbuhan dalam eksport keluaran berasaskan sumber disebabkan oleh peningkatan harga komoditi dan permintaan yang tinggi dari negara-negara serantau, terutamanya China. Walaupun pengeluaran barangan elektronik mulai menyederhana sejajar dengan trend kitaran elektronik global, eksport barangan elektronik masih kekal tinggi disebabkan oleh tempahan sebelumnya. Di samping itu, eksport kelengkapan pengangkutan meningkat dengan nyata pada suku ketiga, terutama pelantar penggerudian terapung dan boleh tenggelam bagi aktiviti cari gali minyak dan gas.

Pada suku ketiga, nilai unit eksport barangan perkilangan meningkat sebanyak 2.5% (S2 2004: 0.8%), memandangkan penurunan harga bagi barangan elektrik dan elektronik telah diimbangi oleh peningkatan harga keluaran berasaskan sumber. Sementara itu, pertumbuhan jumlah eksport bagi barangan perkilangan kekal tinggi sebanyak 25% (S2 2004: 20.4%).

Eksport komoditi pertanian

meningkat sedikit sebanyak 4.2% pada suku tersebut (S2 2004 : 11.4%), disebabkan terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada kesemua subsektor utama, kecuali minyak sawit. Eksport minyak sawit merosot sebanyak 8.9% pada suku tersebut (S2 2004: +2.1%), akibat permintaan yang lebih rendah daripada pembeli-pembeli utama, seperti India, China, Pakistan dan Timur Tengah, berikutan pertambahan stok minyak sayuran di negara-negara tersebut sebelum musim perayaan pada akhir tahun. Kesan daripada permintaan yang lebih rendah ini telah diimbangi sebahagian besarnya oleh harga minyak sawit yang kekal tinggi (purata S3 2004: RM1,660 setan). Sementara itu, sejak beberapa bulan kebelakangan ini, Amerika Syarikat telah membeli lebih banyak minyak sawit Malaysia, dengan eksport ke negara tersebut mengembang sebanyak 61.1% pada suku tersebut kepada 81,530 tan. Pada masa ini, AS mencakupi 2.7% daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia, berbanding dengan purata 1.5% pada tempoh 2000-2003. Peningkatan pembelian ini mungkin didorong oleh arahan Pentadbiran Pemakanan dan Dadah AS (FDA) yang mensyaratkan pengeluar makanan supaya melabelkan produk-produk mereka yang mengandungi Asid Transfatty (TFA), berkuat kuasa tahun 2006. Walaupun minyak sawit tidak mengandungi TFA, ia terkandung dalam minyak kacang soya, pesaing utama minyak sawit di pasaran minyak sayuran dunia.

Sebaliknya, eksport getah terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 48.7% (S2 2004: 52.3%), disokong oleh peningkatan yang nyata dalam harga (28.5%) dan jumlah eksport (15.7%). Peningkatan harga minyak mentah secara langsung telah menyebabkan harga getah tiruan (yang merupakan produk berasaskan petrokimia) meningkat. Ini menyebabkan harga getah asli diniagakan pada harga diskaun. Hasilnya, permintaan terhadap getah asli kekal kukuh, terutamanya dari negara-negara yang mempunyai sektor automotif yang besar seperti China, Jerman dan Perancis. Eksport getah ke negara-negara ini meningkat antara 25 -33% pada suku tersebut.

Eksport mineral terus berkembang pesat sebanyak 50%, disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang kukuh dalam harga minyak mentah pada suku ketiga. Harga eksport minyak mentah terus kukuh dan meningkat 50.6% kepada purata AS$43 setong disebabkan minyak mentah Malaysia lebih diperlukan kerana ia adalah jenis *"light and sweet"*. Pada masa ini, penawaran minyak mentah global adalah tidak seimbang, iaitu terdapat lebihan penawaran bagi minyak berjenis *"heavy and sour"* dan kekurangan minyak berjenis "*light and sweet"*. Pembeli utama, termasuk Australia, India, Thailand, Singapura dan Korea, meningkatkan pembelian mereka antara 50 hingga 79% pada suku ketiga. Sementara itu, eksport gas asli cecair (LNG) meningkat sebanyak 21.4%, disokong oleh harga yang lebih tinggi (12%), dan permintaan global yang lebih kukuh bagi gas asli. Pembeli tradisional LNG Malaysia, iaitu Korea dan China Taipei masing-masing meningkatkan import mereka sebanyak 175% dan 21% pada suku tersebut.

Bahagian pasaran eksport ke negara-negara serantau kekal pada 43.6%. Eksport ke negara serantau terus meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan eksport ke negara-negara perindustrian utama. Khususnya, eksport ke negara-negara ASEAN meningkat sebanyak 31.4%. Dengan itu, bahagian pasaran eksport Malaysia ke ASEAN kekal tinggi pada 24.8%. Eksport ke rantau Asia Timur terus kukuh dengan peningkatan sebanyak 22.3%, menggambarkan eksport ke Korea dan China Taipei yang lebih tinggi (masing-masing 65.4% dan 14.2%), sementara eksport ke Republik Rakyat China kekal pada 27.7%. Export yang lebih tinggi ke negara-negara serantau disokong terutamanya oleh pengembangan eksport barangan elektrik dan elektronik dan barangan berasaskan sumber seperti petroleum mentah dan petroleum yang ditapis, bahan kimia, kayu dan gas asli cecair. Eksport ke Amerika Syarikat meningkat sebanyak 25.1% untuk mencakupi bahagian pasaran yang lebih tinggi iaitu 19.5%. Peningkatan ini disokong oleh eksport barangan elektrik dan elektronik, barangan petroleum dan petroleum mentah yang tinggi. Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang bertambah baik, eksport ke negara Kesatuan

Malaysia: Destinasi eksport

	2003		2004			2003		2004			2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion					% bahagian daripada jumlah eksport					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**20.0**	**21.1**	**19.3**	**22.8**	**25.0**	**19.7**	**19.4**	**17.9**	**19.3**	**19.5**	**-1.8**	**15.6**	**12.0**	**15.6**	**25.1**
Kesatuan Eropah	**12.1**	**12.7**	**13.3**	**13.7**	**15.0**	**12.0**	**11.7**	**12.3**	**11.7**	**11.7**	**8.6**	**8.5**	**16.0**	**14.8**	**23.5**
Negara ASEAN terpilih [1]	**24.2**	**27.1**	**26.9**	**28.9**	**31.9**	**24.0**	**24.8**	**25.0**	**24.5**	**24.8**	**1.1**	**17.1**	**17.3**	**20.8**	**31.4**
Negara Timur Laut Asia	**19.7**	**21.8**	**21.9**	**23.1**	**24.1**	**19.5**	**20.0**	**20.3**	**19.6**	**18.8**	**15.1**	**15.9**	**23.0**	**26.8**	**22.3**
Republik Rakyat China	6.7	7.6	7.2	8.1	8.6	6.7	7.0	6.7	6.8	6.7	22.2	35.0	34.9	30.2	27.7
Hong Kong China	6.9	6.9	6.4	7.5	7.4	6.8	6.4	6.0	6.4	5.8	27.2	10.5	8.6	25.3	6.8
China Taipei	3.7	3.8	3.6	3.8	4.2	3.7	3.5	3.3	3.3	3.3	11.5	14.6	6.4	11.2	14.2
Korea	2.3	3.4	4.7	3.7	3.9	2.3	3.1	4.4	3.1	3.0	-17.2	-3.5	47.5	43.1	65.4
India	**2.3**	**2.7**	**2.7**	**2.7**	**2.8**	**2.2**	**2.5**	**2.5**	**2.3**	**2.2**	**33.0**	**30.1**	**21.7**	**10.5**	**25.3**
Jumlah eksport	**101.1**	**109.1**	**107.8**	**118.0**	**128.2**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**7.9**	**15.2**	**17.3**	**22.0**	**26.9**

1 Termasuk negara-negara Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Viet Nam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eropah meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 23.5%. Satu lagi perkembangan yang ketara pada suku ketiga adalah pertumbuhan eksport yang kekal tinggi ke Australia (55.7%), disokong terutamanya oleh eksport produk berasaskan sumber yang lebih tinggi.

Import kasar terus berkembang dengan kukuh sebanyak 29.9% kepada RM105.5 bilion, menggambarkan pertumbuhan dalam pengeluaran serta eksport barangan elektrik dan elektronik, di samping permintaan dalam negeri dan aktiviti pelaburan yang kukuh. Import **barangan pengantara** yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan import, terus meningkat sebanyak 25.9%. Import barangan tersebut merupakan input kepada pengeluaran eksport perkilangan khususnya barangan elektrik dan elektronik. Input yang mencatat peningkatan import yang ketara termasuklah bekalan perindustrian seperti logam dan keluaran logam, bahan kimia, alat ganti perkakas elektrik dan bahan pembinaan. Pertumbuhan dalam industri pemasangan motor hasil daripada permintaan yang kukuh terhadap kenderaan penumpang turut menyebabkan pertumbuhan dalam import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan. Import bahan utama dan yang diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman juga meningkat, menggambarkan pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh.

Satu perkembangan yang ketara ialah pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30.4% dalam import **barangan modal** yang menandakan pertumbuhan pelaburan swasta semakin kukuh. Import barangan modal tidak termasuk barangan *lumpy,* meningkat sebanyak 26.1%. Peningkatan import untuk tujuan pengembangan kapasiti dicatat oleh industri perkilangan dan perkhidmatan dan ini terbukti dengan pengimportan yang lebih tinggi bagi jentera, alat kelengkapan pejabat, alat

Pertumbuhan import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**-1.7**	**14.7**	**23.2**	**26.8**	**30.4**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	3.8	6.7	12.9	24.7	20.1
Alat kelengkapan pengangkutan	-56.9	203.7	205.1	78.3	279.1
BARANGAN PENGANTARA	**4.4**	**18.4**	**22.5**	**31.8**	**25.9**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	-3.1	9.9	31.8	109.5	56.9
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	-8.1	17.5	25.1	47.7	52.3
Bahan api dan pelincir	4.7	18.7	-2.1	23.1	76.4
Alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	12.8	19.3	23.2	20.7	9.0
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-26.5	16.8	24.6	75.0	45.1
BARANGAN PENGGUNAAN	**-9.8**	**6.5**	**14.3**	**26.4**	**37.8**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	-15.9	9.8	19.8	37.8	56.0
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	34.7	125.9	-8.5	15.2	45.5
Barangan pengguna, t.s.t.l.	-7.2	2.6	11.5	20.5	28.3
Barangan tahan lama	-10.9	-22.2	8.1	14.1	35.3
Barangan separa tahan lama	-4.7	9.4	15.8	22.0	23.1
Barangan tidak tahan lama	-7.3	16.7	10.2	22.7	29.2
BARANGAN DUA GUNA	**-4.4**	**23.2**	**22.6**	**27.9**	**45.3**
LAIN-LAIN	**-13.2**	**-5.0**	**7.5**	**5.2**	**17.5**
IMPORT TERTANGGUH	**2.0**	**16.6**	**21.7**	**30.0**	**27.4**
EKSPORT SEMULA	**-19.7**	**3.1**	**89.6**	**107.7**	**125.6**
IMPORT KASAR	**1.3**	**16.1**	**23.5**	**32.1**	**29.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

penjana, turbin dan motor elektrik serta kelengkapan telekomunikasi. Sejajar dengan penggunaan swasta serta permintaan yang lebih tinggi menjelang musim perayaan, import **barangan penggunaan** meningkat sebanyak 37.8%. Import makanan dan minuman untuk penggunaan isi rumah mencatat pertumbuhan yang nyata sebanyak 56% pada suku ketiga. Begitu juga dengan import barangan pengguna yang terus kukuh dengan peningkatan sebanyak 28.3%. Import barangan untuk tujuan eksport semula, terus meningkat dengan kukuh, menggambarkan pertumbuhan ketara dalam aktiviti pembungkusan dan pemasangan di kawasan pengagihan yang terletak di zon komersial bebas di pelabuhan-pelabuhan utama.

Ketibaan pelancong kekal tinggi

Ketibaan pelancong kekal tinggi, iaitu sebanyak 3.8 juta pada suku ketiga (S2 2004: 3.9 juta). Pelancong dari Singapura, Thailand dan Indonesia masih mencakupi bahagian yang besar daripada jumlah ketibaan pelancong (74.4%). Pelancong dari Jepun, China Taipei dan Korea Selatan mencatat peningkatan yang tinggi sejajar dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik dan rangkaian penerbangan yang lebih banyak selaras dengan pertambahan dalam penerbangan. Kempen pemasaran agresif yang disasarkan kepada pelancong cuti musim panas membawa kepada peningkatan empat kali ganda dalam jumlah pelancong dari Asia Timur pada suku ini. Pelancong dari negara Oceania dan Eropah juga meningkat, hasil daripada pakej promosi dan kempen pemasaran yang menarik.

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



Pelaburan langsung asing, pelaburan luar negeri dan pelaburan portfolio mencatat aliran yang lebih tinggi

Berdasarkan asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (FDI) adalah lebih tinggi pada suku ketiga 2004 (RM4.1 bilion; S2 2004: RM3.2 bilion). Aliran masuk FDI terus bersifat menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan dan perkilangan, serta sektor minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan dalam subsektor perkhidmatan perniagaan dan sokongan serta perdagangan borong dan runcit terus kekal tinggi. Sementara itu, pelaburan dalam sektor perkilangan tertumpu kepada barangan elektrik dan elektronik, logam dan kimia serta aktiviti berkaitan petroleum. Setelah mengambil kira aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat yang berkaitan, FDI mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM2.0 bilion. (S2 2004: RM0.5 bilion).

Aliran keluar kasar **pelaburan luar negeri** meningkat kepada RM5.3 bilion (S2 2004: RM2.6 bilion) disebabkan

terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi yang diberikan oleh syarikat milik bukan pemastautin di Malaysia kepada syarikat yang berkaitan dengan mereka di luar negeri. Pelaburan ini dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, khususnya institusi kewangan dan syarikat pelaburan induk, serta syarikat dalam sektor pembinaan dan subsektor perdagangan borong dan runcit. Pelaburan oleh syarikat-syarikat dalam sektor minyak dan gas serta perkilangan, khususnya bagi aktiviti berkaitan petroleum dan industri elektrik dan elektronik, adalah lebih besar. Aliran keluar ini disalurkan terutamanya ke Chad, Thailand, Sudan, Vietnam dan Singapura. Pelaburan luar negeri, sesudah mengambil kira aliran masuk daripada pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri, mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.8 bilion (S2 2004: RM0.2 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.1 bilion (S2 2004: RM2.3 bilion; S1 2004: RM16.3 bilion), sejajar dengan sentimen pasaran saham yang lebih baik dan minat asing berterusan dalam sekuriti hutang Malaysia.

Hutang luar negeri berkurangan

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berkurangan kepada RM193.1 bilion atau AS$50.8 bilion pada akhir bulan September 2004 (S2 2004: RM194.2 bilion), bersamaan dengan 49.1% daripada nilai KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** yang lebih rendah berjumlah RM149.7 billion atau AS$39.4 bilion (S2 2004: RM152.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). PABK mencatat pembayaran bersih sebanyak RM3.4 bilion, mencerminkan jumlah pengambilan hutang luar negeri yang lebih rendah, manakala jumlah pembayaran ternyata lebih besar. Sementara itu, sektor swasta, terutamanya sektor pertanian dan sektor-sektor minyak dan gas mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** sebanyak RM43.3 bilion atau AS$11.4 bilion (S2 2004: RM42.1 bilion), mencerminkan

Hutang Luar Negeri yang Belum Dijelaskan



1/ Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan

Hutang Luar Negeri yang belum dijelaskan

	2003		2004		
	Akhir Sep.	Akhir Dis.	Akhir Mac	Akhir Jun	Akhir Sep.[a]
	RM bilion				
Hutang jangka sederhana & panjang	157.7	152.8	149.7	152.1	149.7
Sektor awam	101.5	96.8	94.3	97.2	93.2
Sektor swasta	56.2	56.0	55.5	54.9	56.5
Hutang jangka pendek[1]	36.3	33.5	35.3	42.1	43.3
Jumlah hutang luar negeri	193.9	186.3	185.1	194.2	193.1
- bersamaan AS$ bilion	51.0	49.0	48.7	51.1	50.8

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi-institusi perbankan

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

peningkatan yang sederhana bagi hutang luar negeri jangka pendek sektor perbankan. Peningkatan tersebut disebabkan terutamanya oleh aktiviti perlindungan nilai oleh bank-bank berkaitan dengan urus niaga perdagangan dan operasi pasaran kewangan yang melibatkan aktiviti kewangan serantau. Pada akhir bulan September, hutang jangka pendek kekal pada paras yang rendah, mencakupi 22.4% daripada jumlah hutang luar negeri, dan adalah kira-kira 20.1% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa terus meningkat

Trend yang meningkat dalam **rizab antarabangsa** Bank Negara Malaysia berterusan pada suku ketiga tahun 2004. Pada 30 September 2004, rizab antarabangsa bersih berada pada RM216.1 bilion (AS$56.9 bilion), merupakan peningkatan sebanyak RM11.3 bilion (AS$3 bilion) sejak akhir bulan Jun. Peningkatan rizab sepanjang suku ini disebabkan terutamanya oleh penghantaran pulang perolehan eksport yang lebih tinggi dan aliran masuk pelaburan portfolio serta pelaburan langsung asing. Paras rizab ini juga telah mengambil kira pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing dengan keuntungan sebanyak AS$392 juta. Sementara itu, aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran untuk import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik pinjaman luar negeri serta penghantaran balik dividen.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Rizab terus meningkat kepada RM231.4 bilion (AS$60.9 bilion) pada 12 November 2004, disokong oleh penghantaran perolehan eksport yang berterusan dan aliran masuk dana portfolio. Paras rizab cukup untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan merupakan 5.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Defisit fiskal lebih rendah

Kerajaan Persekutuan mencatat **defisit fiskal** yang lebih rendah sebanyak

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]

	2003		2004		
	S3	Jan-Sep	S2	S3	Jan-Sep
	RM bilion				
Hasil	23.3	58.2	21.8	24.6	64.1
% perubahan tahunan	19.9	3.6	2.9	5.5	10.2
Perbelanjaan mengurus	17.8	52.8	19.7	19.9	55.8
% perubahan tahunan	12.6	14.4	-11.4	11.9	5.7
Akaun semasa	**5.5**	**5.4**	**2.1**	**4.6**	**8.3**
% daripada KDNK	***5.5***	***5.4***	***1.9***	***4.1***	***2.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	8.1	25.0	7.3	6.2	18.4
% perubahan tahunan	-8.5	20.2	-19.9	-23.0	-26.6
Terimaan balik pinjaman	0.3	0.5	0.2	0.1	0.4
Imbangan keseluruhan	**-2.4**	**-19.1**	**-4.9**	**-1.5**	**-9.7**
% daripada KDNK	***-2.4***	***-19.1***	***-4.5***	***-1.3***	***-2.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	**25.9**	**77.8**	**27.0**	**26.2**	**74.2**
% perubahan tahunan	5.0	16.2	-13.8	1.0	-4.7
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	188.6	188.6	197.8	204.4	204.4
% daripada KDNK	47.8	47.8	45.1	46.6	46.6
Dalam negeri	148.4	148.4	160.8	169.5	169.5
% daripada KDNK	37.7	37.7	36.7	38.7	38.7
Luar Negeri	40.2	40.2	37.0	34.9	34.9
% daripada KDNK	10.2	10.2	8.4	8.0	8.0

a Awalan

RM1.5 bilion atau 1.3% daripada KDNK pada suku ketiga berikutan kutipan hasil yang lebih tinggi dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah. Penerimaan hasil yang meningkat sebanyak 5.5%, mencerminkan kutipan yang lebih tinggi daripada cukai pendapatan dan kebanyakan kategori utama cukai tidak langsung. Penerimaan daripada cukai jualan adalah lebih rendah disebabkan oleh pengecualian duti yang lebih tinggi ke atas produk petroleum bagi menstabilkan harga runcit berikutan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi. Jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan 1% disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Dalam keadaan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dalam negeri, defisit fiskal telah dibiayai sepenuhnya daripada sumber dalam negeri. Pada akhir September 2004, hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah sebanyak RM204.4 bilion atau 46.6% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada 18.1% daripada hutang luar negara atau 8% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan [a]



[a] Awalan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Penunjuk monetari dan kewangan pada suku ketiga mencerminkan perkembangan asas aktiviti ekonomi yang mapan. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, Kadar Dasar Semalaman (KDS) kekal pada tahap 2.70%. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.68 - 2.72%, iaitu pada purata 2.69% pada tempoh 1 Julai - 24 November.

Purata Wajaran Harian Kadar Antarabank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahunan, RM juta)



Penggabungan tiga buah bank perdagangan dengan syarikat kewangan mereka pada suku ketiga menyebabkan beberapa pelarasan teknikal pada kadar pinjaman asas (BLR) dan kadar pemberian pinjaman purata (ALR) bagi institusi perbankan yang berkenaan. Berikutan

Kadar Pemberian Pinjaman
Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Kadar Faedah

	S3 03	S2 04	S3 04
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar campur tangan 3-bulan*	4.50		
Kadar Dasar Semalaman (KDS)*		2.70	2.70
Kadar antara bank			
Semalaman	2.71	2.70	2.69
1 bulan	2.99	2.81	2.79
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.00	5.98	5.98
Syarikat kewangan	6.90	6.90	6.90
Purata kadar pinjaman (ALR)			
Bank perdagangan	6.17	5.99	6.01
Syarikat kewangan	9.16	8.76	8.76
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.68	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3-bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

pelarasan tersebut, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada 5.98% dan 6.90% pada akhir bulan September 2004. Walau bagaimanapun, pelarasan teknikal tersebut telah menyebabkan ALR meningkat sedikit bagi bank perdagangan kepada 6.01%, sementara ALR bagi syarikat kewangan pula kekal tidak berubah pada 8.76% pada akhir bulan September.

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal mapan

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan 7.5% kepada RM133.6 bilion pada suku ketiga. Jumlah ini lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang dicatat pada suku pertama dan kedua tahun ini, dan mencerminkan pengeluaran pinjaman bank dan terbitan PDS yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan jumlah terkumpul PDS meningkat pada kadar tahunan 8% pada akhir bulan September (8.2% pada akhir bulan Jun).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan Dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2003	S3 03	S4 04	S3 04	2003	S2 04	S3 04
Jumlah pembiayaan kasar	492.1	124.3	127.4	133.6	9.0	8.9	7.5
Pengeluaran pinjaman*	441.6	115.9	120.0	122.7	7.3	14.8	5.8
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	42.8	6.4	6.5	9.3	60.5	-46.0	45.5
Ekuiti	7.8	2.0	1.0	1.6	-41.5	66.0	-20.0
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	57.8	14.8	15.9	14.5	10.3	8.2	8.0
Sistem perbankan	28.1	9.6	14.1	10.9	5.9	6.4	6.5
Baki pinjaman (A)	21.6	8.6	13.6	9.3	4.8	6.2	6.2
Pegangan PDS	6.6	0.9	0.5	1.7	23.8	8.8	10.9
PDS terkumpul (B)	36.2	6.1	2.3	5.2	33.4	15.4	14.0
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	51.0	10.2	7.5	12.7	40.8	-41.9	25.1

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pertumbuhan tahunan bagi kebanyakan penunjuk pinjaman meningkat dengan sederhana pada suku ketiga berbanding dengan suku kedua, disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas yang tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada asas tahunan sebanyak 5% (15.8% pada suku kedua), dengan pinjaman disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (37.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman untuk sektor perniagaan), dan sektor borong, runcit, restoran dan hotel (25.8%). Kedua-dua penunjuk hadapan, iaitu permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan masing-masing terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka, pada kadar 29.4% dan 10.1% pada suku ketiga.

Pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat pada kadar tahunan 12.8% pada suku ketiga (S2 2004: 29.5%). Peningkatan ini menyumbang kepada pertumbuhan 8.1% dalam pinjaman terkumpul kepada PKS pada akhir bulan September (7.4% pada akhir bulan Jun). Sejumlah RM8.7 bilion telah diluluskan kepada 25,739 akaun PKS pada suku ketiga,

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2003	S3 03	S2 04	S3 04	2003	S3 03	S2 04	S3 04
Jumlah								
Permohonan pinjaman	227.6	62.8	70.4	76.5	4.8	7.8	32.9	21.9
Kelulusan pinjaman	152.8	40.2	46.6	46.7	11.1	7.3	21.4	16.2
Pengeluaran pinjaman	441.6	115.9	120.0	122.7	7.3	14.6	14.8	5.8
Bayaran balik pinjaman	430.4	109.9	110.3	118.3	6.9	8.7	14.0	7.6
Perubahan baki pinjaman *	21.6	8.6	13.6	9.3	4.8	5.1	6.2	6.2
Di antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	124.9	34.0	37.9	44.0	-7.7	-4.2	33.4	29.4
Kelulusan pinjaman	77.3	20.4	23.6	22.4	12.8	7.3	18.4	10.1
Pengeluaran pinjaman	303.4	79.5	82.8	83.4	7.6	17.0	15.8	5.0
Bayaran balik pinjaman	299.5	77.0	76.0	83.9	8.6	10.4	14.6	8.9
Perubahan baki pinjaman *	-5.2	0.4	5.4	-0.4	-2.4	-1.0	0.2	-0.2
PKS								
Permohonan pinjaman	44.5	12.1	14.5	15.2	-8.6	t.d.	49.0	25.3
Kelulusan pinjaman	25.9	6.5	8.4	8.7	-15.6	t.d.	42.1	33.7
Pengeluaran pinjaman	87.1	21.9	24.8	24.8	76.0	t.d.	29.5	12.8
Perubahan baki pinjaman *	7.4	1.5	2.9	2.2	10.0	7.3	7.3	8.1
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	80.4	21.9	23.4	28.8	t.d.	t.d.	25.3	31.6
Kelulusan pinjaman	51.4	13.8	15.2	13.7	t.d.	t.d.	8.5	-1.0
Pengeluaran pinjaman	216.3	57.5	58.0	58.6	-7.0	t.d.	10.7	2.0
Perubahan baki pinjaman *	-12.7	-1.1	2.5	-2.6	-8.8	-5.2	-3.8	-4.9
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	98.4	28.1	32.3	31.5	20.2	25.2	34.5	12.3
Kelulusan pinjaman	72.0	19.2	22.8	23.4	7.6	8.3	25.5	22.0
Pengeluaran pinjaman	114.4	30.6	31.5	34.1	8.9	14.1	15.4	11.3
Bayaran balik pinjaman	94.1	23.8	25.6	26.8	12.4	13.5	18.4	12.9
Perubahan baki pinjaman *	26.2	7.9	8.0	10.4	12.8	12.3	13.5	14.2

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
Sumber: Bank Negara Malaysia

iaitu peningkatan daripada RM8.4 bilion kepada 22,161 akaun PKS pada suku kedua. Satu perkembangan yang penting pada suku ketiga ialah penubuhan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan pada bulan Ogos, untuk menyelaras inisiatif dasar dan memastikan pelaksanaan dasar dibuat secara berkesan bagi pembangunan sektor PKS.

Berian Pinjaman Bank kepada PKS



Pembiayaan kepada sektor isi rumah terus menyokong pertumbuhan dalam penggunaan swasta pada suku ketiga. Jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 11.3% (S2 2004: 15.4%). Sebahagian besar daripada pengeluaran pinjaman adalah untuk pembelian rumah kediaman (30.4% daripada jumlah pengeluaran kepada isi rumah), perbelanjaan kad kredit (27.2%) dan pembelian kereta penumpang (23.1%). Sementara itu pengeluaran pinjaman untuk perbelanjaan kad kredit terus berkembang dengan pesat pada kadar tahunan 18%, dengan diimbangi sebahagian besarnya oleh pembayaran pinjaman yang tinggi (pertumbuhan tahunan sebanyak 14.8%). Secara keseluruhan, baki terkumpul bagi pinjaman kad kredit mencakupi 2.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan 5.2% daripada

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2003	S3 03	S2 04	S3 04		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	303.4	79.5	82.8	83.4	68.0	43.4
Syarikat besar	216.3	57.5	58.0	58.6	47.8	26.3
PKS	87.1	21.9	24.8	24.8	20.2	17.1
Isi rumah	114.4	30.6	31.5	34.1	27.8	50.9
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	11.1	3.1	3.7	3.5	2.8	2.2
Perlombongan dan kuari	1.7	0.7	0.4	0.4	0.4	0.2
Perkilangan	110.3	27.9	30.7	31.2	25.4	12.7
Sektor harta benda yang luas	78.9	21.1	21.7	22.9	18.6	40.4
Pembinaan	27.5	7.3	7.3	7.6	6.2	6.0
Pembelian rumah kediaman	35.6	9.7	9.7	10.4	8.4	25.7
Pembelian harta tanah bukan kediaman	9.7	2.6	2.9	3.2	2.6	6.0
Harta tanah	6.1	1.4	1.9	1.8	1.4	2.7
Bekalan elektrik, gas dan air	6.0	2.0	1.5	1.2	0.9	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	70.1	17.1	20.0	21.5	17.5	8.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	12.0	4.3	2.8	1.7	1.4	1.8
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.7	9.7	8.8	8.5	7.0	5.9
Kredit penggunaan	72.4	18.9	20.4	22.1	18.0	19.8
Di antaranya:						
Kad kredit	30.5	7.9	8.6	9.3	7.6	2.7
Pembelian kereta penumpang	24.5	6.7	7.1	7.9	6.4	13.8
Pembelian sekuriti	12.9	4.0	2.8	3.2	2.6	4.0
Pembelian kereta pengangkutan tidak termasuk kereta penumpang	1.2	0.2	0.2	0.1	0.1	0.5
Lain-lain	28.3	7.0	7.1	6.4	5.2	2.9
Jumlah	**441.6**	**115.9**	**120.0**	**122.7**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

jumlah pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah pada akhir bulan September (masing-masing 2.6% dan 5.1% pada akhir bulan Jun). Sementara itu, kedua-dua penunjuk hadapan bagi permohonan dan kelulusan pinjaman, meningkat dengan lebih sederhana walaupun kekal mapan berbanding dengan tahap tinggi yang dicatat pada suku kedua, masing-masing pada 12.3% dan 22% pada suku ketiga (masing-masing 34.5% dan 25.5% pada suku kedua).

Perkembangan yang mapan bagi wang secara luas

Pertumbuhan tahunan wang secara luas, M3, meningkat 10.6% pada akhir bulan September 2004. Peningkatan suku tahunan M3 sebanyak RM13.6 bilion pada suku ketiga (+RM9.9 bilion pada S2 2004) adalah disebabkan oleh aliran masuk luaran yang lebih tinggi dalam bentuk penghantaran balik perolehan eksport, aliran masuk dana portfolio dan pelaburan langsung asing (S3 2004: +RM12 bilion; S2 2004: +RM6 bilion), serta peningkatan yang mapan dalam tuntutan ke atas sektor swasta (S3 2004: +RM10.7 bilion; S2 2004: +RM12.2 bilion). M1 terus meningkat pada kadar tahunan, iaitu peningkatan dua angka, mencerminkan perbelanjaan pengguna dan perniagaan yang kukuh[1] .

Lebih banyak dana baru diperoleh dalam pasaran modal

Pada suku ketiga, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal nyata

Agregat Monetari



Penentu-penentu M3

	Perubahan pada tempoh				
	Tahunan	Suku Tahunan			Jan-Sep
	2003	S1 04	S2 04	S3 04	2004
	RM bilion				
M3	48.5	18.9	9.9	13.6	42.3
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	12.9	-6.0	-2.0	-2.5	-10.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	31.3	3.8	12.2	10.3	26.2
Operasi luar bersih *	20.8	33.3	6.0	12.0	51.3
Pengaruh lain	-16.5	31.7	-6.4	-6.2	19.2

* Sebelum penilaian semula

[1] Peningkatan M2 yang lebih tinggi disebabkan oleh penggabungan antara tiga syarikat kewangan dengan bank perdagangan yang menyebabkan klasifikasi semula deposit yang disimpan dalam syarikat-syarikat kewangan tersebut. M2 merujuk kepada M1 dan jumlah deposit/instrumen yang memberikan pulangan faedah yang disimpan oleh sektor swasta bukan bank di bank perdagangan dan bank Islam.

lebih tinggi, iaitu sebanyak RM16.9 bilion (S2 2004: RM3.9 bilion). Sentimen pasaran yang bertambah baik dan peningkatan dalam kepentingan pasaran modal sebagai sumber kewangan sektor swasta dicerminkan oleh dana yang tinggi yang diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) dan pasaran ekuiti.

Seperti di suku yang terdahulu, terbitan baru PDS disalurkan terutamanya untuk pembiayaan aktiviti baru (49% daripada jumlah terbitan). Syarikat yang memperoleh dana melalui pasaran PDS adalah terutamanya daripada sektor elektrik, gas dan bekalan air serta sektor perkilangan. Sekuriti berasaskan prinsip Islam mencakupi bahagian yang ketara dalam jumlah terbitan baru PDS yang dikeluarkan pada suku ketiga, iaitu sebanyak 59.2%. Pada asas bersih, dana yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM5.9 bilion, berbanding dengan penebusan bersih sebanyak RM1 bilion pada suku sebelum ini.

Dalam pasaran ekuiti, sentimen pasaran yang semakin pulih sepanjang suku ketiga menghasilkan perolehan dana yang tinggi berjumlah RM1.6 bilion, termasuk RM1.2 bilion yang diperoleh daripada 16 tawaran awal awam. Secara keseluruhan, terdapat 15 penyenaraian baru di Bursa Malaysia dengan satu penyenaraian di papan utama, enam di papan kedua dan lapan di MESDAQ.

Sementara itu, dana yang diterbitkan oleh sektor awam adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM12.6 bilion (RM16.7 bilion pada suku kedua). Sebahagian besar dana diperoleh melalui empat terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Satu perkembangan yang ketara ialah kejayaan penerbitan SKM jangka panjang 15 tahun berjumlah RM2 bilion pada bulan Julai. Selepas mengambil kira penebusan, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada sektor awam adalah sebanyak RM9.4 bilion (S2 2004: RM4 billion).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	S2 03	S3 03	S2 04	S3 04
	RM juta			
Oleh Sektor Awam				
Sekuriti Kerajaan, kasar	8,132	12,632	14,763	10,389
Tolak Penebusan	1,500	6,800	9,700	2,000
Tolak Milikan Kerajaan	0	0	0	0
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	6,632	5,832	5,063	8,389
Bon Khazanah, bersih	-138	-183	-1,000	-198
Terbitan Pelaburan Kerajaan, bersih	0	0	-560	740
Bon Simpanan Malaysia, bersih	-2	-2	0	0
Bon Simpanan Merdeka, bersih	0	0	497	495
Dana bersih yang diperoleh	6,491	5,647	4,001	9,426
Oleh Sektor Swasta				
Saham	584	2,028	969	1,663
Sekuriti hutang	12,911	10,165	7,498	12,718
Sekuriti hutang swasta	11,966	6,370	6,463	9,268
Cagamas	945	3,795	1,035	3,450
Tolak Penebusan	9,602	4,472	8,558	6,865
Terbitan bersih	3,310	5,694	-1,060	5,853
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	4,135	3,754	75	4,925
Dana bersih yang diperoleh	3,894	7,722	-91	7,516
Jumlah dana bersih yang diperoleh	10,385	13,368	3,910	16,942
Kertas dan nota jangka-pendek, bersih *	-1,437	-85	-1,213	-623
JUMLAH	8,949	13,283	2,697	16,319

*Merujuk kepada nota Cagamas dan Kertas perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan Penggunaan
(% daripada jumlah)



IK BSKL bertambah kukuh berikutan sentimen pasaran yang positif

Pada suku ketiga, IK BSKL ditutup lebih kukuh dengan sentimen pasaran yang bertambah baik berikutan pengumuman prestasi pendapatan suku tahunan korporat yang lebih tinggi serta pengumuman Bajet 2005, yang mengandungi langkah-langkah cadangan untuk meliberalkan pasaran modal Malaysia. Secara keseluruhan, IK BSKL meningkat 3.7% kepada 849.96 pada akhir bulan September (819.9 pada akhir Jun). Permodalan pasaran pada akhir suku ketiga meningkat lebih tinggi sebanyak 2.9%, iaitu pada paras RM672.64 bilion (akhir S2 2004: RM653.94), sementara purata urus niaga harian bagi suku ketiga adalah lebih tinggi, iaitu pada paras 333.8 juta unit.

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir suku tahunan				
	S2 03	S3 03	S1 04	S2 04	S3 04
Indeks Harga					
Komposit	691.96	733.45	901.85	819.86	849.96
EMAS	170.23	182.03	219.76	197.34	202.35
Papan Kedua	108.96	122.03	135.33	117.17	108.95
Purata Urus niaga harian					
Jumlah (juta unit)	286.7	644.3	650.6	332.7	338.9
Nilai (RM juta)	457.2	958.1	1,328.2	714.6	659.3
Permodalan Pasaran (RM b)	532.5	572.3	724.2	653.9	672.6
Bil. syarikat yg disenaraikan	877	889	923	934	945

Sumber: Bursa Malaysia

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Ketiga 2004



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	Pada suku tahunan									
	S2 03		S3 03		S1 04		S2 04		S3 04	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga di antaranya:	17,776	28,349	41,877	62,274	37,737	77,036	20,478	43,964	22,031	42,852
Papan Utama di antaranya:	14,421	24,648	27,849	46,225	27,626	61,454	14,826	37,062	15,494	36,763
Barangan Pengguna	509	1,959	857	2,768	1,173	3,905	782	2,605	1,154	3,149
Barangan Perusahaan	1,429	2,105	3,911	5,406	4,087	6,067	2,211	3,663	2,031	2,719
Pembinaan	1,181	1,796	2,088	3,967	1,693	4,044	862	1,911	1,096	1,706
Perdagangan/Perkhidmatan	3,329	9,009	5,993	14,829	5,632	19,975	3,509	12,723	4,296	13,729
Kewangan	1,908	4,422	3,497	8,471	4,536	14,521	2,342	7,728	2,008	7,838
Harta benda	2,942	2,210	5,215	4,567	4,159	5,145	2,155	2,978	2,230	3,560
Perladangan	307	1,129	675	1,815	762	3,106	539	2,779	383	2,127
Perlombongan	53	92	42	67	43	140	5	30	0	4
Papan Kedua	2,685	3,377	8,069	12,103	6,258	11,249	4,018	5,468	4,014	4,130

Sumber: Bursa Malaysia

Peningkatan dagangan sekunder dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM69.8 bilion pada suku ketiga (S2 2004: RM43.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh minat yang lebih tinggi dalam pasaran bon, ekoran kebimbangan berhubung dengan kesan kenaikan harga minyak ke atas pertumbuhan dunia. Sepanjang suku, aktiviti dagangan tertumpu pada Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 dan 5 tahun. Dari segi mudah tunai, GII dan bon Khazanah merupakan sekuriti yang paling cair, dengan nisbah mudah tunai masing-masing pada 1.24 dan 0.56.

Kelok hasil ukur rujuk SKM menunjukkan trend ke bawah pada suku ketiga. Kelok hasil ukur rujuk SKM 3 dan 5 tahun masing-masing menurun sebanyak 16 dan 32 mata asas pada penghujung suku ketiga, mencerminkan peningkatan permintaan untuk sekuriti pendapatan tetap, berikutan kebimbangan kesan kenaikan harga minyak kepada prestasi ekonomi global. Pada bulan September, peserta pasaran memberi maklum balas yang positif kepada pengumuman semakan semula bon Cagamas baru dan pengecualian daripada pembayaran cukai pegangan untuk pendapatan yang diterima daripada pelaburan dalam sekuriti Islam dan debentur kepada bukan pemastautin.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul



Arah Aliran Kadar Hasil SKM



Prestasi ringgit

Pada suku ketiga 2004, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang utama dunia. Ringgit susut nilai berbanding dengan euro memandangkan prestasi dolar AS terjejas akibat kebimbangan pasaran terhadap kesan kenaikan harga minyak ke atas pertumbuhan ekonomi AS. Sementara itu, ringgit naik nilai berbanding dengan yen Jepun. Kebimbangan terhadap kesan

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang terpilih
Peratus Pertukaran (1 Julai - 30 September 2004)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak *		
	30 Jun 97	02 Sep 98	S2 04	S3 04	30 Jun 97	02 Sep 98	S2 04
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	-33.6	0.0	0.0
Euro	-	-	4.5933	4.6826	-	-	-1.9
Paun Sterling	4.1989	6.3708	6.8719	6.8347	-38.6	-6.8	0.5
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.4991	3.4264	-35.5	-19.0	2.1
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2139	2.2475	-21.5	-2.1	-1.5
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.2841	9.1644	6.4	2.3	1.3
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7640	6.7517	42.0	30.8	0.2
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0404	0.0414	150.5	-14.6	-2.6
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3298	0.3295	-13.7	-14.2	0.1

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



kenaikan harga minyak juga dirasai oleh negara Jepun memandangkan ekonomi Jepun terlalu bergantung kepada minyak yang diimport. Yen susut nilai berbanding dengan dolar ekoran permintaan terhadap dolar yang meningkat untuk membiayai kos import minyak yang lebih tinggi. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit juga mencatat prestasi yang bercampur-campur.

Walaupun terdapat volatiliti pada kadar pertukaran mata wang negara maju dan serantau, nilai wajaran dagangan ringgit kekal konsisten dengan keadaan asas ekonomi negara.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan kekal kukuh pada suku ketiga. Kualiti aset bertambah baik di samping peningkatan dalam aktiviti pemberian pinjaman oleh sistem perbankan yang terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Tahap permodalan dan keuntungan kekal kukuh walaupun terdapat sedikit penurunan dalam tahap permodalan berikutan penyempurnaan penggabungan antara bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan (penggabungan Bafin). Tahap permodalan dijangka akan mengukuh setelah mengambil kira keuntungan yang telah diaudit.

Tahap permodalan kekal tinggi semasa penggabungan

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan masing-masing menurun kepada 13.8% (-0.5 mata peratusan) dan 11.3% (-0.4 mata peratusan). Ini disebabkan modal asas yang lebih rendah (-RM1.7 bilion) berikutan penggabungan Bafin tersebut dan jumlah aset berwajaran risiko yang lebih tinggi (+RM5.8 bilion) berikutan peningkatan dalam aktiviti pemberian pinjaman.

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2003		2004		
	S3	S4	S1	S2	S3
Modal					
CCR (%)	10.9	11.1	11.0	11.7	11.3
RWCR (%)	13.4	13.8	13.7	14.3	13.8

Keuntungan kekal menggalakkan

Keuntungan sistem perbankan kekal kukuh, dengan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.8 bilion bagi suku ketiga, berbanding dengan RM2.4 bilion bagi suku tahun yang sama tahun lepas. Justeru itu, pulangan tahunan ke atas purata aset dan ekuiti sistem perbankan meningkat kepada 1.3% dan 15.4% (S3 2003 : 1.2% dan 14.3%).

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Penurunan yang berterusan dalam NPL

Pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus menurun kepada RM29.1 bilion, yang merupakan 6.1% daripada jumlah pinjaman bersih, tahap terendah selepas krisis Asia (S2 2004: 6.2%). Pembaikan kualiti aset ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan insiden pinjaman tidak berbayar baru dan peningkatan pinjaman dihapus kira. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan juga bertambah baik dan menurun kepada RM38.8 bilion atau 8.1% daripada jumlah pinjaman bersih (S2 2004: 8.4%).

Persidangan ASLI mengenai Pembangunan
Perbankan & Pasaran Modal Islam
25 Ogos 2004, Kuala Lumpur

"Peluang Baru, Pasaran Baru dan Sempadan Baru dalam Perbankan dan Kewangan Islam"

Ucaptama oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

I. Pengenalan

Perbankan dan kewangan Islam telah muncul sebagai satu proses pengantaraan kewangan yang berdaya saing dan berdaya maju, dengan menyumbang kepada keseluruhan penjanaan kekayaan, pertumbuhan dan pembangunan negara. Dalam persekitaran kewangan yang semakin mencabar dan berdaya saing, sistem kewangan Islam yang komprehensif sedang melalui satu evolusi yang memerlukan ia memenuhi kehendak persekitaran ekonomi yang semakin pesat berubah. Keteguhan dan kestabilannya pula dijamin menerusi rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh, serta disokong oleh infrastruktur kewangan yang mantap dan penawaran perkhidmatan dan produk yang canggih. Oleh itu, kekuatan setiap komponen dalam sistem kewangan Islam dan jaringan hubungan pasaran dalam sistem ini akan membuka peluang-peluang baru serta memaksimumkan potensi perbankan dan kewangan Islam.

Sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang sebagai satu komponen yang berdaya maju dan berdaya saing dalam sistem kewangan negara. Ia turut menjadi pelengkap kepada sistem kewangan konvensional sebagai peneraju pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Kemajuan pesat sistem kewangan Islam domestik diperkukuh oleh perkembangan infrastruktur kewangan Islam seperti infrastruktur perundangan dan Syariah serta rangka kerja pengawalseliaan, yang memantapkan kedudukan sistem kewangan Islam sebagai satu komponen yang semakin penting bagi memenuhi keperluan ekonomi baru yang sentiasa berubah.

Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang dilancarkan tiga tahun yang lalu menyediakan hala tuju strategik pembangunan sektor kewangan Islam untuk tempoh jangka pendek dan jangka panjang bagi memenuhi keperluan masa hadapan. Strategi yang digariskan dalam PISK memberi penekanan kepada pembangunan komponen-komponen sektor kewangan untuk membentuk asas yang kuat bagi menjamin kemajuan yang mapan. Dalam usaha membangunkan satu sistem yang lengkap, perkembangan sistem

kewangan Islam telah diberi tumpuan yang sewajarnya.

II. Ke Arah Sistem Kewangan Islam yang Lebih Pelbagai

Dalam usaha awal untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif, efisien, dinamis dan mapan, tumpuan utama ialah pembangunan komponen-komponen struktur penting dalam sistem kewangan Islam seperti industri perbankan Islam, industri takaful, pasaran kewangan dan pasaran modal. Komponen-komponen utama yang saling bergantungan ini mewujudkan persekitaran yang sesuai bagi membolehkan sistem kewangan Islam menjalankan peranannya sebagai saluran yang efisien untuk menggembleng sumber dan menyalurkan dana bagi membiayai aktiviti ekonomi yang produktif. Ketiadaan mana-mana komponen tertentu akan mengurangkan keberkesanan dan kecekapan sistem tersebut dan seterusnya akan menjejaskan kedayamajuan dan kemapanan sistem. Sementara sistem perbankan Islam memainkan peranan penting untuk menggembleng deposit dan menyediakan pembiayaan, pasaran modal Islam juga mempunyai peranan yang sama penting dalam penyediaan dana jangka panjang daripada sumber yang stabil bagi tujuan pembiayaan pelaburan besar dan projek pembangunan di samping pengembangan modal dan perniagaan. Perkembangan pasaran modal Islam bukan sahaja membolehkan pengagihan sumber ekonomi dan kewangan dengan lebih seimbang dalam sektor ekonomi,malah lebih penting lagi, ia juga memperluaskan kepelbagaian risiko dalam sistem kewangan Islam. Ini akan meningkatkan daya saing dan kemantapan sistem kewangan Islam untuk bertahan daripada kejutan kewangan dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Islam.

Dari segi pembangunan sistem kewangan Islam domestik, sehingga bulan Jun 2004, aset sektor perbankan Islam meningkat kepada RM89.1 bilion, iaitu merangkumi 10% daripada bahagian pasaran sistem perbankan. Pada masa yang sama, deposit juga meningkat kepada RM64 bilion, iaitu mencakupi 10.4% bahagian pasaran manakala pembiayaan pula berjumlah RM54 bilion atau 11% daripada bahagian pasaran. Jenis produk yang ditawarkan juga telah bertambah dari segi kecanggihannya, daripada produk deposit biasa hingga produk kacukan yang mampu meningkatkan pulangan kepada para penyimpan. Satu lagi kemajuan penting ialah pengenalan mekanisme pembiayaan kadar boleh ubah secara Islam sebagai alternatif kepada pembiayaan kadar tetap. Mekanisme ini membantu institusi perbankan Islam mengurangkan risiko ekoran ketakpadanan aset dengan liabiliti.

Pasaran modal secara Islam, khususnya pasaran hutang secara Islam, mencatatkan perkembangan yang pesat semenjak kemunculannya pada awal dekad 1990an. Sejak tahun 1995, penerbitan bon secara Islam telah berkembang secara berterusan pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 33.7%. Pada tahun 2003, dana yang diperoleh daripada penerbitan bon secara Islam berjumlah RM8.1 bilion, iaitu 19% daripada jumlah keseluruhan dana pasaran

bon. Instrumen kewangan Islam yang baru dan berinovatif seperti sekuriti bersandarkan aset juga telah dihasilkan manakala asas struktur kewangan berlandaskan sekuriti Islam juga semakin meluas. Jumlah dana amanah saham berlandaskan Syariah meningkat secara konsisten sepanjang tahun kepada 55 buah pada tahun 2003 dengan nilai aset bersih bernilai RM4.75 bilion dan merangkumi 6.8% daripada bahagian pasaran. Pembangunan pesat amanah saham secara Islam yang merangkumi pelbagai dana bon, dana ekuiti dan dana imbang telah meningkatkan kecekapan dan potensi sistem kewangan Islam sebagai saluran pengantara yang menawarkan kepada para pelabur akses kepada pengurusan aset secara profesional yang berasaskan tahap toleransi risiko yang mereka kehendaki.

Pembangunan pasaran modal Islam yang berdaya saing, efektif dan efisien memerlukan penerbitan pelbagai instrumen kewangan Islam yang berinovatif dan infrastruktur yang lengkap untuk menggalakkan aktiviti urus niaga yang aktif terutamanya untuk meningkatkan kedalaman pasaran. Cabaran utama pembangunan instrumen kewangan Islam adalah untuk membina struktur kewangan Islam yang pelbagai dan inovatif, yang bukan sahaja memberi fleksibiliti kepada para penerbit untuk mengurus keperluan pembiayaan yang berbeza malah mampu memenuhi kehendak para pelabur, sesuai dengan risiko dan pulangan yang dihajati.

Di peringkat antarabangsa, kejayaan penerbitan bon global berdaulat secara Islam pertama oleh Kerajaan Malaysia telah menarik minat pelabur asas antarabangsa yang lebih besar, malah berjaya menjadi pemangkin kepada negara-negara dan syarikat-syarikat lain meneroka pasaran kewangan Islam antarabangsa; dan mendorong kepada kemajuan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (PKIA). PKIA diberi kepercayaan untuk menyediakan persekitaran yang sesuai bagi merangsang penyertaan aktif institusi kewangan Islam dan bukan Islam dalam urus niaga instrumen kewangan Islam di pasaran sekunder. Pakatan strategik antara PKIA, Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dan Bursa Kewangan Bahrain akan membuka jalan bagi penyenaraian merentasi sempadan dan urus niaga produk kewangan Islam. Langkah ini akan meningkatkan akses para pelabur antarabangsa kepada instrumen kewangan Islam, meningkatkan mudah tunai dan merancakkan pembangunan pasaran modal Islam dengan jangkauan yang lebih global.

III. Pengukuhan Asas-Asas bagi Pembangunan Sebuah Sistem Kewangan Islam yang Kukuh, Progresif dan Mapan

Pengukuhan infrastruktur kewangan merupakan prasyarat pembangunan sistem kewangan Islam yang dinamik dan progresif. Salah satu ciri infrastruktur kewangan yang komprehensif dan maju ialah kepelbagaian peserta dan institusi kewangan yang beroperasi dalam sistem tersebut. Kepelbagaian peserta dan institusi yang dibentuk berdasarkan keupayaan mereka yang tersendiri dan mempunyai kelebihan bersaingan akan menyumbang kepada peningkatan pencapaian dan nilai ditambah kepada pertumbuhan dan pembangunan

keseluruhan. Sebagai sebahagian daripada strategi meningkatkan integrasi dengan sistem kewangan antarabangsa dan mengukuhkan jaringan hubungan dengan pasaran ekonomi yang lain, liberalisasi industri perbankan Islam telah dibawa ke hadapan iaitu ke tahun 2004. Pengeluaran lesen perbankan Islam kepada peserta asing yang layak akan membolehkan peserta perbankan Islam asing berperanan sebagai penghubung antara Malaysia dengan pasaran kewangan Islam global yang lain serta meningkatkan potensi untuk meraih pasaran dan peluang pertumbuhan baru. Langkah ini juga dijangka akan merangsang inovasi kewangan serta meningkatkan perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan antara Malaysia dengan dunia luar.

Satu dimensi penting infrastruktur kewangan adalah kewujudan infrastruktur perundangan yang efektif dan komprehensif sebagai saluran penyelesaian bagi urus niaga kewangan Islam. Infrastruktur perundangan ini perlu mempunyai undang-undang pengawalseliaan dan undang-undang hakiki yang efektif di samping forum perundangan yang sesuai untuk pihak terbabit menyelesaikan pertikaian berkaitan urus niaga kewangan Islam. Ini akan memupuk keyakinan dan seterusnya mendorong pertumbuhan industri kewangan Islam. Bagi maksud ini, Mahkamah Tinggi Malaysia telah mengkhususkan satu Mahkamah Tinggi bagi mendengar kes litigasi berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Bagi melengkapi sistem kehakiman, pertikaian juga boleh dirujuk kepada pusat penimbangtaraan bagi mencapai penyelesaian. Pusat Penimbangtaraan Serantau Kuala Lumpur akan dimajukan untuk menjadi platform bagi menyelesaikan pertikaian berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Perkhidmatan ini juga akan ditawarkan kepada komuniti antarabangsa. Selain mekanisme penyelesaian pertikaian, BNM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Undang-undang bagi mengkaji semula perundangan domestik untuk menerapkan prinsip Syariah yang bertujuan melicinkan urus niaga perbankan dan kewangan Islam. Kajian semula ini merangkumi undang-undang cukai dan duti setem, undang-undang syarikat, undang-undang tanah dan undang-undang tatacara.

Seperkara yang perlu diberi perhatian dalam memajukan rangka kerja undang-undang yang efektif bagi perbankan dan kewangan Islam ialah penguatkuasaan kontrak kewangan Islam. Dalam hal ini, Akta Bank Pusat Malaysia 1958 telah dipinda untuk menaik taraf Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia sebagai badan paling berwibawa dalam isu-isu Syariah yang terletak di bawah bidang kuasa Bank Pusat yang membabitkan perbankan dan kewangan Islam. Kenaikan taraf ini akan menjadikan Majlis Penasihat Syariah sebagai sumber rujukan bagi mahkamah atau penimbang tara dalam menyelesaikan pertikaian kes perbankan dan kewangan Islam yang melibatkan isu-isu Syariah.

Infrastruktur Syariah akan terus diperkukuh menerusi garis panduan yang akan dikeluarkan bagi mentakrif struktur, peranan dan fungsi baru jawatankuasa Syariah bank-bank Islam, bank-bank yang menyertai Skim Perbankan Islam dan pengendali takaful. Garis panduan ini antara

lain menggariskan kewajipan melantik ahli jawatankuasa Syariah dan tanggungjawab institusi kewangan Islam dalam memastikan jawatankuasa Syariah dapat berfungsi dengan berkesan. Infrastruktur Syariah yang kukuh dalam pasaran modal Islam juga penting dalam memastikan penstrukturan instrumen pasaran modal Islam, penggubalan dana pelaburan Islam dan pelaksanaan strategi dana pelaburan Islam menepati keperluan Syariah. Perkara ini penting demi memelihara integriti sistem kewangan Islam dan menanam keyakinan masyarakat bahawa operasi perbankan dan kewangan Islam tidak bercanggah dengan Syariah.

Mercu tanda infrastruktur kewangan yang unggul ialah rangka kerja pengawalseliaan yang efektif yang dapat mempertahan kestabilan sistem kewangan. Pengawalan dan penyeliaan adalah komponen utama infrastruktur kewangan. Dalam persekitaran dwikewangan, penggubalan rangka kerja pengawalseliaan perlu mengambil kira ciri-ciri unik perbankan dan kewangan Islam di samping menyediakan persekitaran pasaran yang saksama seperti dalam perbankan dan kewangan konvensional. Ini bagi memastikan institusi kewangan Islam dan urus niaganya dapat bersaing setanding dengan institusi kewangan konvensional. Rangka kerja ini perlu juga menilai dan mengatasi sebarang kecenderung kepadai amalan arbitraj antara sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional yang boleh melemahkan kestabilan sistem kewangan secara keseluruhan.

Sementara perbankan konvensional adalah berasaskan hubungan kontrak penghutang-pemiutang yang berlandaskan riba, urus niaga perbankan Islam secara perbandingannya adalah lebih kompleks berikutan pelbagai hubungan kontrak antara institusi kewangan Islam dan pihak pelanggan - daripada jualan berisiko rendah dan kaedah pembiayaan penyewaan sehinggalah kepada pembiayaan ekuiti yang berisiko tinggi. Setiap kaedah pembiayaan mempunyai ciri-ciri asas yang berbeza dan dipagari dengan prinsip-prinsip Syariah, serta menghasilkan profil risiko yang berlainan. Oleh itu, adalah mustahak institusi kewangan Islam mempunyai infrastruktur pengurusan risiko bagi mengenal pasti, mengklasifikasi, mengukur, mengawasi dan mengurus kesemua risiko khusus ini dalam urus niaga dan instrumen kewangan Islam bagi memudahkan proses pengiraan dan pengurusan risiko yang efektif.

Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) pada tahun 2002 adalah suatu titik tolak yang penting dalam pembangunan piawaian pengawalan kehematan dan amalan terbaik di peringkat antarabangsa untuk industri perkhidmatan kewangan Islam. Semenjak penubuhannya, LPKI telah berjaya menarik penglibatan yang meluas. Setakat ini, LPKI mempunyai 13 ahli penuh, empat ahli bersekutu dan 35 ahli pemerhati. Jawatankuasa teknikal LPKI kini sedang di peringkat akhir merangka piawaian kehematan tentang kecukupan modal dan pengurusan risiko. LPKI juga telah mula merangka piawaian bagi urus tadbir korporat.

Meskipun pengawalan dan piawaian yang bersesuaian penting bagi mengurangkan risiko, pemerhatian dan pengawasan ke atas institusi kewangan Islam menerusi penyeliaan yang berkesan oleh badan pengawalan berwibawa juga penting bagi memastikan peraturan-peraturan kehematan dipatuhi. Kurang pemerhatian, ketidakcukupan sekatan dan imbangan, serta pendedahan yang berlebihan kepada risiko adalah antara faktor yang boleh menggoyahkan sistem kewangan Islam. Pengawalan dan jaringan keselamatan kewangan yang terbaik tidak akan dapat mengelak kegoyahan ini sekiranya sistem amaran awal tidak wujud. Bagi melaksanakan fungsi penyeliaan secara berkesan, usaha tidak boleh dibatasi dengan pengenalpastian risiko yang terlibat dalam pelbagai kewangan Islam sahaja, tetapi juga mampu mengesan ketidakpatuhan kepada prinsip-prinsip Syariah dalam urus niaga dan operasi kewangan.

Satu ciri penting dalam rangka kerja pengawalan bagi institusi kewangan Islam ialah ketelusan dan penzahiran kewangan, terutamanya bagi urus niaga kewangan Islam. Sebagai contoh, pendeposit akaun pelaburan dalam institusi perbankan Islam berperanan seperti pemegang saham, iaitu mereka bukan sahaja berkongsi dalam keuntungan perniagaan perbankan Islam tetapi pada masa yang sama juga menanggung risiko kehilangan modal sekiranya berlaku kerugian. Dalam hubungan ini, rangka kerja pengiraan kadar pulangan perniagaan perbankan Islam berperanan dalam menangani masalah jurang maklumat antara institusi perbankan Islam dan pendeposit bagi memastikan pendeposit menerima bahagian pulangan yang sewajarnya daripada pelaburan mereka. Di samping itu, pengeluaran garis panduan model penyata kewangan bagi bank-bank Islam akan meningkatkan penzahiran profil risiko dan pulangan bagi kategori deposit yang berlainan. Dengan ini, pendeposit akan mengetahui pencapaian kewangan bank-bank Islam dengan lebih telus dan menambah keyakinan serta mengukuhkan daya saing industri kewangan Islam.

Peningkatan penzahiran kewangan perlu seiring dengan program pendidikan dan kesedaran pengguna bagi meningkatkan taraf pengetahuan kewangan pengguna dan ahli perniagaan supaya mereka membuat keputusan kewangan yang lebih utuh berdasarkan maklumat yang diperoleh di samping menanam disiplin pasaran di kalangan peserta kewangan. Pelancaran Program Pendidikan Pengguna dan Minggu Perbankan Islam dan Takaful adalah bertujuan untuk mencapai objektif ini. Program ini telah menyumbang kepada peningkatan pemahaman ciri-ciri unik perbankan Islam dan kewangan, produk dan perkhidmatan kewangan Islam serta prinsip dan konsep Syariah. Peningkatan kesedaran mengenai urus niaga kewangan dan kontrak kewangan Islam yang dilaksanakan bukan sahaja menguatkan lagi peranan disiplin pasaran dalam memastikan institusi kewangan Islam mematuhi prinsip Syariah dalam operasi malah menyumbang kepada peningkatan kecekapan operasi, menguatkan infrastruktur pengurusan risiko dan membina amalan pengurusan risiko yang teguh dan dinamik.

IV. Penutup

Bagi menjana potensi sebenar sistem kewangan Islam, usaha harus diteruskan ke arah memperkasa infrastruktur kewangan Islam, membangunkan pasaran-pasaran kewangan Islam dan meningkatkan inovasi instrumen dan aktiviti kewangan Islam yang mampu menangani kehendak ekonomi baru serta pasaran global kontemporari yang sentiasa berubah. Dengan perkembangan pesat integrasi global kewangan Islam, ia menyediakan sinergi dan peluang bagi industri kewangan Islam muncul sebagai komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa yang mampu menyumbang ke arah peningkatan prospek pembangunan dan kestabilan kewangan global yang lebih seimbang.

Sidang Kemuncak Perbankan & Kewangan Islam Asia
21 September 2004, Kuala Lumpur

"Ke arah Membentuk sebuah Sistem Kewangan Islam sebagai sebahagian daripada Sistem Kewangan Antarabangsa yang Penting - Strategi dan Cabarannya"

Ucapan oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

I. Pengenalan

Integrasi kewangan Islam dengan pasaran dan institusi kewangan antarabangsa telah memperlihatkan bahawa ia berdaya maju, berdaya saing, berdaya tahan dan mapan sebagai sebuah pengantara kewangan. Trend ini telah membantu meningkatkan aliran dagangan dan urus niaga pelaburan merentasi sempadan, seterusnya mengukuhkan jaringan hubungan ekonomi dan kewangan global. Proses integrasi antarabangsa yang semakin intensif ini bukan sahaja meningkatkan prospek pertumbuhan global yang lebih seimbang malah memberi ruang kepada kepelbagaian risiko yang meluas dan dapat menyumbang kepada kestabilan global. Teras kepada proses globalisasi kewangan ini ialah pembentukan satu sistem kewangan Islam domestik yang kukuh dan berdaya tahan. Pembangunan sistem kewangan Islam yang mapan dan mampu berhadapan dengan cabaran ketaktentuan dan ketakstabilan yang sentiasa berlaku dalam sistem kewangan global bukan sahaja memerlukan satu struktur kewangan antarabangsa yang efektif tetapi juga satu sistem yang disokong oleh infrastruktur kewangan domestik yang sesuai, komprehensif dan sihat. Struktur-struktur yang saling memperkuat antara satu sama lain ini bukan sahaja dapat menggalakkan perkembangan kekayaan dan memupuk potensi perdagangan malah akan dapat meningkatkan kestabilan kewangan global dan pembaharuan dalam hubungan perniagaan baru.

Walaupun kemajuan menyeluruh perbankan dan kewangan Islam sejak lebih tiga dekad merupakan satu proses evolusi, perkembangannya semakin rancak sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Kini, konsep-konsep kewangan Islam diterapkan dalam pelbagai produk kewangan bagi memenuhi kehendak pelanggan, peniaga dan pelabur yang sentiasa berubah. Institusi kewangan Islam yang baru turut ditubuhkan terdiri daripada institusi perbankan tradisional dan institusi kewangan khusus. Landskap kewangan Islam ini didokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang teratur dan berhemat, di samping sistem perundangan dan perakaunan yang lengkap dan diperkuatkan menerusi

penyelidikan dan pembangunan. Inisiatif meningkatkan kesedaran dan pendidikan di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam juga semakin menggalakkan.

Dekad mutakhir ini telah menyaksikan proses globalisasi kewangan Islam menerusi penyertaan sektor kerajaan dan sektor swasta. Dalam sektor kerajaan, fokus ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur kewangan seperti pasaran kewangan, institusi kewangan dan agensi kewangan di samping memperkenalkan piawaian berhemat dan perakaunan yang sesuai. Sektor swasta pula melibatkan para peminjam, pelabur dan institusi yang terlibat dalam proses tersebut. Kerajaan, syarikat korporat, syarikat multinasional dan institusi multilateral turut menggunakan akses pasaran antarabangsa untuk mendapat sumber pembiayaan yang disediakan oleh institusi dan pelabur. Dana ini diperoleh sama ada secara langsung dari institusi perbankan antarabangsa atau melalui terbitan bon dan ekuiti di pasaran antarabangsa. Ia bukan sahaja melebarkan asas pelabur tetapi turut mengurangkan kos modal dan meningkatkan mudah tunai. Melalui operasi di luar sempadan domestik mereka, institusi kewangan juga dapat menawarkan perkhidmatan mereka dari pelbagai lokasi geografi. Syarikat korporat, isi rumah dan pengurus dana kini menggunakan institusi kewangan antarabangsa dengan lebih kerap untuk meningkatkan keupayaan mereka bagi mempelbagaikan risiko. Pelaburan dalam ekonomi domestik juga kini dibiayai melalui modal asing. Firma antarabangsa turut menyertai pasaran domestik melalui struktur kewangan yang berlandaskan Islam. Menerusi peningkatan liberalisasi kewangan, kemasukan institusi kewangan asing dalam sistem kewangan domestik kini semakin nyata. Inilah langkah yang diambil oleh Malaysia pada tahun ini. Proses globalisasi juga berlaku melalui dengan penyertaan syarikat dalam pasaran modal antarabangsa menerusi penyenaraian bersilang. Ucapan saya pada hari ini akan memberi perhatian kepada strategi pendekatan untuk mempercepatkan peralihan kewangan Islam untuk menjadi satu komponen sistem kewangan antarabangsa, iaitu dari aspek satu sistem arkitektur kewangan Islam antarabangsa dan pembangunan infrastruktur kewangan domestik yang komprehensif.

Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) merupakan satu inisiatif yang penting dalam pembangunan arkitektur kewangan Islam antarabangsa. Ia ditubuhkan untuk mengeluarkan piawaian pengawalseliaan antarabangsa kepada institusi kewangan Islam bagi pelaksanaan amalan terbaik dan memperkukuhkan kedudukan dan kestabilan kewangan dalam kewangan Islam. IFSB telah mencatatkan kemajuan menerusi penggubalan piawaian berhemat bagi rangka kerja kecukupan modal dan pengurusan risiko. IFSB juga telah memulakan inisiatif menggubal piawaian bagi urus tadbir korporat.

Piawaian perakaunan yang sesuai juga telah disediakan untuk menzahirkan nilai sebenar dan saksama operasi perbankan yang seterusnya akan meningkatkan akauntabiliti dan tanggungjawab yang lebih jelas di kalangan institusi kewangan. Meskipun Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam

(AAOIFI) telah memberi sumbangan penting dalam penggubalan dan pengeluaran piawaian perakaunan dan pengauditan bagi institusi kewangan Islam, usaha ini perlu ditingkatkan untuk menggalakkan penerimaan piawaian-piawaian tersebut.

Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM) menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan penyertaan aktif institusi kewangan Islam dan konvensional dalam pasaran sekunder bagi instrumen kewangan Islam. Beberapa sukuk berdaulat global oleh kerajaan telah diterbitkan di pasaran antarabangsa dan menimbulkan minat yang meluas di kalangan para pelabur Islam dan bukan Islam. Fasa seterusnya dalam pembangunan ini ialah penyertaan syarikat multinasional dan institusi multilateral untuk memperoleh dana daripada pasaran ini. Apabila jumlah ini meningkat, ia akan mengukuhkan lagi jalinan hubungan dan integrasi di kalangan pusat-pusat kewangan Islam. Selain penstrukturan pelbagai instrumen sedia ada, usaha perlu dipertingkatkan untuk membentuk satu keluk tanda aras bagi terbitan masa hadapan. Dengan adanya satu sistem yang lengkap, jual beli instrumen akan menggalakkan aliran yang bebas bagi pergerakan modal dan seterusnya mempergiatkan aktiviti pengurusan dana Islam.

Untuk menggalakkan kerjasama yang meluas di kalangan negara Islam dan seterusnya mempromosikan IIFM, satu cadangan yang boleh diberi perhatian ialah tentang penerbitan bon universal Islam. Bon ini boleh distruktur seperti sukuk Ijarah yang disokong oleh aset yang diterima secara meluas. Dalam cadangan ini, negara dan organisasi terpilih yang berminat boleh dijemput dengan setiap negara akan menjual aset kepada satu syarikat guna khas (SPV) dan seterusnya akan memajak semula aset tersebut kepada negara berkenaan. Dana yang diperoleh daripada terbitan sukuk akan disalur kepada negara-negara yang mengambil bahagian untuk tujuan pembangunan sosioekonomi. Melalui mekanisme ini, negara-negara yang belum mencapai tahap penarafan yang kukuh berpeluang untuk mendapat dana pada kadar yang kompetitif. Sesungguhnya, institusi serantau dan pelbagai negara berada dalam kedudukan yang baik untuk mengkaji daya maju cadangan ini.

Syariah berperanan sebagai salah satu elemen penting yang boleh merangsang proses inovasi dan meningkatkan integrasi sistem kewangan Islam secara global. Bagi meningkatkan keberkesanan urus tadbir Syariah, pemahaman mekanisme kewangan oleh pakar-pakar Syariah adalah penting bagi membantu proses perbincangan sebelum mencapai keputusan Syariah. Seterusnya, keputusan Syariah hendaklah telus. Dengan ketelusan itu, pihak lain berupaya memahami ijtihad. Ijtihad yang berdasarkan analisis kontemporari dan proses keputusan secara logik dapat mendorong penerimaan keputusan Syariah secara meluas, terutama sekali sekiranya ia mempunyai implikasi kepada urus niaga yang merentasi sempadan.

Dengan pemahaman yang lebih baik, harapan kepada penyatuan keputusan Syariah adalah lebih tinggi. Ini akan menggalakkan

penerimaan sejagat kepada terbitan dan jual beli instrumen kewangan Islam di arena antarabangsa ekoran pentafsiran yang lebih seragam dan konsisten. Pengharmonian pendapat di kalangan ulama daripada pelbagai mazhab adalah penting demi kemajuan dan pembangunan sistem perbankan dan kewangan Islam di peringkat global. Pada ketika ini, saya yakin pendekatan yang terbaik adalah untuk memupuk sikap saling hormat menghormati dalam perbincangan Syariah yang melibatkan perbezaan pendapat, pentafsiran dan amalan.

Pendidikan dan kesedaran pengguna terhadap perbankan dan kewangan Islam perlu dilaksanakan secara lebih intensif bagi melengkapkan usaha membentuk sistem kewangan Islam yang utuh dan menyeluruh. Kerjasama antara kerajaan dengan komuniti kewangan Islam perlu dijalin untuk membangunkan program pendidikan pengguna tersebut. Program sebegini mampu meningkatkan ketelusan terhadap kelebihan dan kepelbagaian instrumen kewangan Islam yang disediakan oleh institusi kewangan Islam. Sejauh mana pengguna dapat menikmati manfaatnya bergantung kepada tahap pengetahuan mereka mengenai perkhidmatan kewangan tersebut. Halangan sempadan geografi boleh diatasi menerusi teknologi komunikasi maklumat dalam membentuk platform internet bersepadu sebagai medium bagi perkongsian pengetahuan berhubung penemuan penyelidikan, perbincangan persidangan, peraturan Syariah dan maklumat penting lain yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam. Penambahbaikan perlu dilakukan kepada portal internet yang sedia ada supaya ia lebih komprehensif serta mempunyai jaringan hubungan dengan pembekal informasi berguna yang lain.

Infrastruktur perlindungan pengguna juga adalah penting. Satu badan penyiaran maklumat kewangan antarabangsa perlu ditubuhkan untuk mewarwarkan kemajuan perbankan dan kewangan Islam ke seluruh dunia. Selain daripada itu, penzahiran dan ketelusan yang lebih lengkap mengenai pelaksanaan urus niaga kewangan secara Islam dan profil risiko dan pulangan bagi produk dapat memantapkan disiplin pasaran dan peranan bagi mendorong institusi-institusi kewangan Islam mematuhi peraturan Syariah. Ini akan menjamin operasi yang efisien, mengukuhkan infrastruktur pengurusan risiko dan membentuk amalan pengurusan risiko yang sihat dan dinamik.

Sebagai sebahagian daripada proses meningkatkan jaringan hubungan dengan dunia luar dalam kewangan Islam, Malaysia menggalakkan institusi-institusi kewangan Islam domestik mengembangkan perniagaan mereka ke luar negara supaya mereka dapat menjadi lebih global. Bersandarkan pengalaman perbankan dan kewangan Islam melebihi tiga dekad, kini sudah tiba masanya Malaysia berkongsi pengalaman ini ke luar negara. Institusi kewangan Islam domestik perlu menjalankan kajian daya maju dan kerja-kerja asas bagi mengenal pasti pasaran-pasaran baru untuk mengembangkan operasi perniagaan mereka, khususnya dalam pasaran yang mempunyai potensi yang besar untuk menjalin jaringan hubungan dan integrasi ekonomi.

Dalam arus globalisasi dan liberalisasi yang semakin pesat, sistem kewangan yang lebih teguh dan berdaya tahan diperlukan bagi menjamin kestabilan kewangan dan membina keyakinan. Walaupun terdapat ketakstabilan dan ketaktentuan pasaran, perkembangan sistem kewangan Islam global tidak begitu terjejas; malah ia kini menjadi sebahagian komponen sistem kewangan antarabangsa yang semakin penting. Pendekatan pembangunan sistem kewangan Islam domestik yang mapan dan progresif melibatkan pembangunan komponen asas yang merangkumi **industri perbankan Islam, pasaran kewangan Islam, pasaran insurans Islam atau takaful dan industri pengurusan dana** berdasarkan hubung kaitan yang kukuh, saling bergantungan dan sinergi antara komponen-komponen ini dalam sistem tersebut. Di samping pengantara kewangan dan pengurus dana, peserta institusi yang lain seperti broker, pakar dan perbendaharaan korporat juga memainkan peranan penting.

Satu bidang yang perlu diberi perhatian ialah perkembangan institusi-institusi kewangan Islam bukan bank. Di Malaysia, institusi kewangan Islam bukan bank yang pertama ialah Lembaga Tabung Haji. Selain Tabung Haji, komponen lain termasuklah waqaf, institusi zakat, pelaburan amanah, tabung amanah dan pengurusan wasiat. Ini adalah sebahagian daripada bidang pengurusan kekayaan yang menjadi semakin signifikan sejajar dengan perkembangan ekonomi domestik yang sedang menuju ke tahap perkembangan yang lebih matang serta perkembangan keinstitusian simpanan merentasi sempadan yang semakin giat. Ini akan menjadi salah satu sumber dana utama bagi pelaburan yang produktif, khususnya bagi pelaburan berskala tinggi. Struktur kewangan baru perlu dibangunkan bagi tujuan ini.

Bagi mempromosikan kewangan Islam di pusat kewangan luar pesisir Labuan, penekanan diberi khusus untuk menggalakkan perkembangan industri pengurusan dana termasuk melalui Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX). Labuan juga akan dipromosikan sebagai pusat pentadbiran waqaf. Ia juga akan mempromosikan perkembangan dan penerimaan pasaran bagi IIFM. Menerusi LFX, dwipenyenaraian dan jual beli instrumen pasaran modal sedang dipergiatkan bagi kedua-dua instrumen Islam dan konvensional. Ini termasuk ekuiti, instrumen hutang, bon (sukuk), sekuriti berasaskan aset dan tabung amanah. Di samping itu, pasaran modal Islam akan dikembangkan menerusi IIFM dan pakatan strategik dengan bursa saham antarabangsa yang lain. Aktiviti-aktiviti luar pesisir ini akan melengkapi aktiviti-aktiviti domestik.

Penekanan bukan sahaja diberikan kepada pembangunan infrastruktur kewangan, pasaran kewangan dan pembangunan keinstitusian, bahkan juga kepada dimensi pengawalseliaan, Syariah dan perundangan. Kewujudan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang berkesan yang mendokong kestabilan sistem kewangan merupakan mercu tanda infrastruktur kewangan yang lengkap. Dalam sistem kewangan Islam, rangka kerja ini perlu bagi menepati kehendak Syariah.

Urus tadbir korporat yang baik dapat memperkukuh pengawalseliaan yang sihat. Ini menyumbang kepada keyakinan pasaran yang berterusan dan mengukuhkan ketelusan serta akauntabiliti dalam kewangan Islam. Penekanannya adalah berdasarkan orientasi nilai dan untuk menggalakkan kesaksamaan dan keadilan bagi kesemua pemegang kepentingan institusi kewangan. Ketelusan dan penzahiran adalah penting bagi proses ini. Walaupun maklumat kewangan yang menyeluruh dan tepat pada masanya akan meningkatkan disiplin pasaran, ia perlu dilengkapi dengan keupayaan peserta pasaran untuk menganalisis dan mentafsir maklumat tersebut dengan betul. Perkara yang berhubung kait dengan isu ini ialah keperluan memperkukuh rangka kerja perlindungan pengguna bagi menyediakan jalan penyelesaian sekiranya berlaku kes pertikaian.

Di samping itu, urus tadbir korporat yang baik perlu seiring dengan keperluan meningkatkan tahap piawaian pengurusan risiko. Amalan pengurusan risiko yang kukuh akan mengurangkan berlakunya situasi rumit yang akan ditanggung oleh institusi kewangan dalam suasana ketakpastian. Kawalan dalaman yang teguh untuk menyediakan piawaian kualitatif juga adalah perlu untuk melengkapkan analisis risiko kuantitatif bagi menyediakan semakan dan imbangan yang diperlukan. Dalam perbankan Islam, keperluan pengurusan risiko adalah lebih penting memandangkan ciri-ciri unik yang terdapat dalam kontraknya. Basel II sedikit sebanyak telah memasukkan beberapa aspek bagi mengenal pasti risiko-risiko tersebut, terutamanya risiko kredit, pasaran dan operasi yang boleh diguna pakai oleh bank-bank Islam dalam penawaran produk.

Satu lagi prasyarat utama untuk mengekalkan perkembangan perbankan dan kewangan Islam ialah infrastruktur perundangan yang komprehensif bagi menyelesaikan masalah undang-undang yang timbul daripada pertikaian urus niaga kewangan Islam. Infrastruktur perundangan perlu merangkumi pengawalseliaan yang efektif dan perundangan yang teguh serta landasan kehakiman yang sesuai untuk menyelesaikan pertikaian berhubung dengan urus niaga kewangan Islam. Bagi menangani masalah ini, usaha perlu disediakan untuk menambah bilangan peguam dan hakim yang cekap serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mantap dalam perundangan Syariah dan sivil. Keperluan ini juga perlu disokong oleh sistem mahkamah yang efisien yang dapat mengendalikan kes-kes perbankan dan kewangan Islam secara efektif kerana keputusannya boleh dikuatkuasakan ke atas pelbagai isu kewangan. Yang pentingnya, prasyarat yang dinyatakan perlu mematuhi rangka kerja Syariah.

Sungguhpun infrastruktur pasaran, peserta institusi, rangka kerja pengawalseliaan, Syariah dan perundangan perlu disediakan, ia masih belum mencukupi untuk memelihara keteguhan dan suasana dinamik sistem kewangan Islam. Bagi mencapai objektif ini, jaringan hubungan dan sinergi yang kukuh terutamanya antara komponen pasaran kewangan seperti pasaran wang, pasaran tukaran wang asing dan pasaran modal perlu digunakan sepenuhnya. Pasaran wang dan pasaran wang asing Islam

merupakan komponen penting dalam sistem perbankan Islam. Pertamanya, ia menyediakan institusi kewangan Islam dengan mendapatkan dana dan pelarasan portfolio jangka pendek yang menyediakan mekanisme mudah tunai untuk menggalakkan kestabilan. Keduanya, ia bertindak sebagai saluran bagi pelaksanaan dasar monetari.

Jaringan hubungan dalam fungsi pasaran kewangan Islam menyediakan persekitaran semula jadi bagi inovasi instrumen kewangan Islam. Pelbagai instrumen kewangan Islam seperti instrumen kerajaan termasuk bon dan bil perbendaharaan, nota bank pusat dan bil penerimaan Islam boleh distruktur berdasarkan kehendak Syariah bagi memenuhi keperluan pasaran. Di samping itu, instrumen bagi mekanisme pengurangan risiko bagi perlindung nilai perlu dibangunkan memandangkan aspek pengurangan risiko amat dititikberatkan dalam kewangan Islam.

Untuk membantu proses membangunkan pasaran kewangan, Bank Negara Malaysia telah membina sebuah laman web mengenai pasaran wang secara Islam. Ia merupakan sumber maklumat bagi instrumen kewangan Islam domestik, membantu pembuatan keputusan pelaburan dan menanam keyakinan masyarakat kepada pelaburan mereka. Laman web tersebut bertujuan memenuhi keperluan para jurubank, para pembiaya, ahli statistik, ahli ekonomi dan bakal pelabur di samping meningkatkan kesedaran pengguna - sama ada pengguna domestik mahupun pengguna asing. Pada masa hadapan, laman web tersebut akan dihubungkan dengan pasaran-pasaran lain sebagai platform pertukaran maklumat dan pengetahuan.

Pembentukan satu pasaran modal yang lengkap adalah penting bagi menyediakan para pengguna modal satu sumber alternatif dan berkos efisien bagi pembiayaan jangka masa sederhana dan panjang. Ia turut menyediakan pelbagai pilihan instrumen kewangan kepada para pelabur dan penyimpan bersesuaian dengan profil pulangan dan risiko masing-masing di samping pengagihan risiko yang lebih meluas dalam sistem kewangan. Salah satu jaringan hubungan dalam pasaran ini ialah pensekuritian aset. Dalam hubungan ini, pembiayaan gadai janji adalah satu contoh bagi ketakpadanan aset dan liabiliti boleh diatasi. Ini akan memperbaiki aliran mudah tunai dan kualiti aset institusi perbankan, serta menyumbang ke arah pembangunan pasaran modal dan jual beli sekunder bagi instrumen menerusi terbitan sekuriti hutang swasta yang bersandarkan gadai janji. Pada masa hadapan, skop aktiviti pensekuritian dijangka berkembang melalui pensekuritian sewa dan beli secara Islam atau aset pajakan yang berakhir dengan pemilikan, serta jenis pembiayaan pajakan yang lain.

Sistem kewangan sesebuah negara perlu ditunjangi oleh sistem pembayaran yang efisien dan efektif bagi tujuan penjelasan dan penyelesaian pembayaran. Dalam ekonomi moden, fungsi ini semakin mekanikal bagi menyokong sektor kewangan yang sihat dan stabil. Satu sistem penyelesaian masa sebenar bagi memindahkan dana antara bank adalah penting untuk dilaksanakan bagi mengurangkan risiko kredit dan penyelesaian

dalam sesebuah sistem kewangan. Ia perlu mampu menguruskan jual beli sekuriti hutang tanpa skrip, pemprosesan dan penyelesaian menggunakan model yang boleh mengurangkan risiko rakan dagangan.

II. Kesimpulan

Kewangan Islam sedang menuju ke arah menjadi satu komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa. Usaha-usaha perlu diteruskan dan dipergiatkan bagi memperkukuh arkitektur antarabangsa dan mempertingkatkan kerjasama dan pemuafakatan di peringkat antarabangsa di samping membangunkan sistem kewangan domestik untuk memenuhi keperluan persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah. Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam proses ini. Dalam usaha membina sebuah sistem kewangan Islam yang berdaya maju dan mapan, matlamat kita adalah untuk memastikan aliran modal dijuruskan ke arah pelaburan produktif, yang dapat menjana kekayaan dan menggalakkan aktiviti perniagaan bukan sahaja di kalangan umat Islam tetapi juga dengan seluruh warga dunia ini.

Sidang Kemuncak Pendidikan Kewangan Wanita Citigroup-INSEAD
2 November 2004, Hong Kong

"Kepentingan Celik Kewangan di Kalangan Wanita di Asia"

Ucapan Khas oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

I. Pengenalan

Asia merupakan rantau yang paling pesat membangun dalam ekonomi global dengan lebih separuh daripada jumlah penduduknya ialah wanita. Penyertaan wanita dalam ekonomi bukan sahaja dapat meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka sendiri, malah turut mempertingkatkan potensi ekonomi Asia. Golongan wanita sememangnya sudah lama terlibat dalam sektor kewangan formal dan tidak formal, malah penyertaan mereka kini semakin menonjol sebagai kumpulan yang penting dalam ekonomi. Namun begitu, mereka perlu mempunyai pengetahuan untuk penyertaan yang efektif. Oleh itu, celik kewangan di kalangan wanita merupakan sebahagian daripada proses yang penting, tanpa mengambil kira tahap pendapatan mereka. Mereka juga perlu memahami dengan lebih baik hak dan tanggungjawab kewangan dan peluang untuk menjana pendapatan serta memahami risiko dan kos yang terlibat. Pengetahuan ini penting terutama di Asia, yang sedang mengalami transformasi ekonomi dan kewangan yang pesat. Oleh yang demikian, celik kewangan di kalangan wanita adalah sebahagian penting daripada proses, bukan sahaja untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam persekitaran ekonomi semasa, tetapi juga untuk persediaan menghadapi masa hadapan.

Terlebih dahulu saya akan berbincang tentang beberapa aspek transformasi struktur dan budaya yang utama, yang sedang mengubah dan memberi impak terhadap suasana ekonomi yang dihadapi oleh golongan wanita di Asia, termasuklah peranan mereka dalam ekonomi yang sedang pantas berubah. Saya juga akan menyentuh beberapa aspek cabaran yang dihadapi oleh golongan wanita di Asia dalam usaha mereka meningkatkan penglibatan diri dalam ekonomi. Ini akan diikuti oleh perbincangan mengenai pemboleh yang penting untuk meningkatkan tahap celik kewangan, serta pengalaman Malaysia membina sebuah masyarakat yang lebih tinggi tahap celik kewangannya, terutama yang dapat meningkatkan penyertaan wanita dalam arus perdana ekonomi.

Asia sedang mengalami transformasi. Lebih daripada dua dekad telah berlalu, yang menyaksikan perubahan struktur dan budaya di Asia yang belum pernah dialami sebelum ini. Perubahan ini turut menyebabkan

transformasi dalam persekitaran yang dihadapi oleh wanita. Asia telah muncul sebagai rantau yang paling pesat membangun di dunia dengan KDNK mencakupi 23% daripada ekonomi dunia, berbanding dengan 17% pada tahun 1980. Pendapatan per kapita dalam tempoh yang sama juga telah meningkat lebih daripada empat kali ganda. Jika trend ini berterusan, menjelang tahun 2020 ekonomi Asia akan mencakupi 27% daripada ekonomi dunia, sementara pendapatan per kapita akan terus meningkat lebih daripada tiga kali ganda. Perubahan yang dinamik ini menjadikan celik kewangan di kalangan wanita bertambah penting.

Sesungguhnya, trend yang menggalakkan ini menyebabkan penyertaan wanita semakin meningkat dalam proses pertumbuhan dan pembangunan di Asia , terutamanya migrasi daripada sektor kewangan tidak formal ke sektor formal, berikutan proses modenisasi dan industrialisasi. Peningkatan yang secara relatif ketara dalam sektor kewangan di kebanyakan negara Asia boleh dilihat dari segi momentum penggerakan simpanan dalam sistem kewangan, dan peningkatan jumlah urus niaga kewangan yang dijalankan menerusi sektor kewangan formal. Trend ini diperkukuh oleh peralihan aktiviti yang sedang berlaku daripada sektor tradisional ke sektor industri dan perkhidmatan. Kini, secara purata, sektor industri dan perkhidmatan merangkumi 74% daripada ekonomi Asia, berbanding dengan 60% pada tahun 1980. Sektor pertanian pula mencakupi 12% berbanding dengan 26% dalam tempoh yang sama. Dalam transformasi ini, penglibatan golongan wanita diperlihatkan melalui darjah mobiliti yang tinggi, dengan penyertaan wanita dalam semua segmen aktiviti ekonomi, terutamanya penyertaan mereka dalam sektor perkhidmatan. Di Hong Kong, peratusan penyertaan wanita dalam sektor perkhidmatan berbanding dengan jumlah penduduk meningkat daripada 43% pada tahun 1980 kepada 87% pada tahun 1999. Di Indonesia, peningkatan adalah daripada 32% kepada 42%, peningkatan daripada 33% kepada 57% di Malaysia dan daripada 18% kepada 34% di Negeri Thai.

Di Asia, struktur demografi turut memperkukuh potensi ekonomi Asia. Penduduk Asia terus berkembang pada kadar yang tinggi dan stabil untuk mencakupi lebih separuh daripada jumlah penduduk dunia. Namun, yang ketara ialah struktur demografi di Asia secara relatif terdiri daripada golongan muda. Lebih daripada 50% wanita Asia berumur antara 15-49 tahun, iaitu sama seperti lelaki. Oleh itu, struktur demografi bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan potensi ekonomi, malah bersama-sama dengan pendapatan dan taraf hidup yang bertambah baik turut menghasilkan perbelanjaan penggunaan yang meningkat. Hasil peningkatan dalam kuasa beli pula mengukuhkan permintaan dalam negeri, seterusnya menjadikan perbelanjaan penggunaan sebagai pemacu pertumbuhan utama ekonomi di Asia. Sesungguhnya trend ini mengukuhkan lagi kemapanan pertumbuhan berasaskan penggunaan. Sebagai sebahagian daripada proses pertumbuhan ini, wanita telah menjadi kumpulan sasar pengguna yang penting dengan kuasa beli yang tinggi. Bahkan, dalam beberapa ekonomi Asia, wanita sedang

muncul sebagai pasaran sasar utama. Kapasiti yang lebih tinggi untuk memperoleh pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pelaburan ini memerlukan keupayaan mengurus kewangan. Oleh itu, tahap celik kewangan yang lebih meluas merupakan keperluan yang perlu kepada tindakan segera.

Celik kewangan sememangnya penting, walaupun tanpa mengambil kira status ekonomi. Namun, ia menjadi lebih penting bagi mereka yang kurang mendapat perhatian. Bagi mereka ini, keupayaan mengurus kewangan secara lebih efektif adalah lebih mustahak. Mereka inilah yang perlu lebih sedar mengenai perkhidmatan kewangan yang tersedia untuk mereka, termasuk kelebihan yang boleh diperoleh daripada pelbagai pilihan yang ada. Ini kerana mereka juga mempunyai kehendak yang sama untuk memaksimumkan faedah daripada sumber yang terhad, serta untuk jaminan kewangan dan ekonomi. Yang lebih penting lagi bagi kumpulan sasar ini ialah kedudukan kewangan mereka. Mereka perlu sedar tentang aset alternatif yang boleh dikumpul, bukan sahaja untuk menjana aliran pendapatan, malah untuk membina kekayaan. Tidak kurang pentingnya juga adalah untuk menarik mereka yang terlibat dalam sektor tidak formal ke sektor formal., Dengan ini, keperluan kewangan mereka, sama ada isi rumah atau perniagaan, akan mendapat perhatian yang lebih baik.

Satu lagi fenomena yang sedang berlaku di Asia ialah peningkatan integrasi ekonomi dan kewangan serantau. Ini dimanifestasikan dengan peningkatan perdagangan intraserantau, aliran pelaburan serta peningkatan penyertaan institusi kewangan dan korporat di peringkat intraserantau. Fenomena terkini yang baru muncul ialah peningkatan mobiliti pekerja di rantau ini. Bilangan wanita yang merantau ke luar negara untuk mencari peluang pekerjaan meningkat dengan nyata. Walaupun tidak terdapat sebarang data yang khusus mengenainya, statistik penghantaran balik pendapatan menunjukkan ia merupakan trend yang meningkat. Guna tenaga di luar negara lebih tertumpu terutama di sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dalam suasana ini, celik kewangan menjadi lebih mustahak. Keperluan terhadap pengetahuan mengenai hal ehwal kewangan asas menjadi penting apabila meneroka bidang-bidang baru yang terdapat perbezaan sistem, bahasa dan budaya. Ini perlu untuk memaksimumkan faedah daripada hasil yang dijangkakan daripada guna tenaga baru.

Dengan sektor ekonomi formal di Asia maju dan makmur, keperluan untuk mengintegrasikan sektor ekonomi tidak formal dengan sektor formal adalah lebih ketara. Terdapat berjuta-juta wanita di Asia yang terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi di rumah, termasuk membuat kraftangan, memasang bahagian untuk jenama antarabangsa serta berkerja di ladang. Mereka bekerja hanya dengan pendapatan yang kecil, dan secara umumnya mereka berada dalam keadaan yang daif. Usaha mengintegrasikan sektor ekonomi tidak formal dengan sektor formal secara sedar akan meningkatkan peluang kepada segmen masyarakat ini. Di kebanyakan negara, kejayaan pelbagai program perubahan sosioekonomi nasional dan antarabangsa telah menjadikan golongan

wanita berperanan dengan lebih penting dalam sektor ekonomi formal. Menerusi usaha yang bersepadu antara pergerakan hak asasi wanita, campur tangan dasar ekonomi, serta peralihan secara beransur-ansur dalam norma budaya, golongan wanita hari ini mempunyai lebih banyak peluang dalam bidang pendidikan, kerjaya dan politik. Walau bagaimanapun, dalam banyak hal, peningkatan penyertaan dalam sektor ekonomi formal tidak diiringi oleh peningkatan tahap celik kewangan yang sofistikated. Akibatnya, golongan wanita terus menghadapi cabaran tertentu dalam usaha mereka menjadi perserta aktif dalam sistem ekonomi.

II. Cabaran Celik Kewangan yang dihadapi oleh Wanita di Asia

Izinkan saya berbincang pula mengenai beberapa cabaran yang dihadapi oleh wanita Asia dalam usaha memperkasakan diri untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan lebih berdikari. Pertama, dengan perubahan pesat suasana sosioekonomi di Asia, maka wujud ketidakpastian dan ketidakstabilan yang merupakan satu bentuk cabaran, meskipun kepada pakar kewangan. Sistem kewangan juga menjadi lebih kompleks dengan munculnya pelbagai risiko baru. Suasana yang semakin canggih ini menambahkan lagi kesukaran kepada mereka yang kurang celik kewangan untuk membuat sesuatu keputusan dengan baik.

Kedua, kemajuan dalam bidang teknologi menggalakkan perkembangan pesat dalam produk dan perkhidmatan kewangan. Oleh itu, pemahaman mendalam terhadap konsep asas serta amalan perbankan, insurans dan ekuiti adalah perlu untuk membuat pilihan antara pelbagai produk kewangan yang ditawarkan, dan menilai setiap risiko, kos dan pulangan. Tidak kurang pentingnya ialah pengetahuan mengenai prinsip asas pengurusan hutang, pengurusan kekayaan dan bajet persendirian bagi memahami manfaat simpanan jangka panjang untuk membiayai keperluan pada masa hadapan.

Celik kewangan melibatkan keupayaan mengenal pasti dan memahami peluang untuk meningkatkan pendapatan, akses pembiayaan, dan mempelajari cara mendapatkan pulangan terbaik daripada pelbagai produk yang ditawarkan. Ia turut melibatkan pembelajaran mengenai cara mengurus risiko kewangan dalam susana prasarana kewangan yang masih kurang membangun. Ia juga mungkin berkait dengan undang-undang dan prosedur sesebuah negara. Keupayaan mengenal pasti skim tidak sah dan amalan-amalan eksploitasi lain seperti ceti haram adalah juga penting.

Ketiga, tidak seperti wanita Asia yang kurang stereotaip dan mempunyai lebih banyak peluang untuk menceburkan diri dalam arus perdana ekonomi, suasana pekerjaan bagi wanita di kebanyakan negara sebaliknya agak kurang memberangsangkan. Eksploitasi tenaga kerja dalam sektor tidak formal contohnya, adalah buruk bukan sahaja di kalangan wanita, tetapi juga di kalangan kanak-kanak dan kumpulan minoriti. Wanita kurang bernasib baik yang tergolong dalam kumpulan ini mendapati sukar untuk mereka memboloskan diri daripada beban hutang.

Kerapkali mereka yang kurang bernasib baik dan yang tidak mempunyai akses untuki mendapatkan khidmat sistem kewangan formal akan mendapatkan khidmat sistem kewangan tidak formal. Tindakan ini juga disebabkan oleh tahap kesedaran kewangan mereka yang cetek. Ia meliputi deposit yang berisiko tinggi, akses khidmat kewangan daripada sumber yang sangat tinggi kosnya, dan syarat cagaran yang tidak munasabah. Amalan sebegini selalunya tidak adil danmengelirukan. Contoh-contoh kes peminjaman bersifat pemangsa adalah tidak berperikemanusiaan dan amat merugikan peminjam.

Keempat, bagi sesetengah masyarakat Asia, masih terdapat tradisi tekanan budaya yang mengehadkan pilihan dan kebebasan seseorang wanita. Walaupun wanita di sana semakin bebas mengejar cita-cita dalam pelajaran dan memilih kerjaya, dalam sesetengah kumpulan masyarakat, tekanan budaya masih menjadi batu penghalang bagi wanita mendapat pendedahan mengenai hal ehwal kewangan. Seterusnya, peningkatan kadar perceraian dan kewujudan ibu tunggal menjadikan lebih ramai wanita terpaksa menyara diri sendiri serta anak-anak mereka. Dalam masyarakat Asia tertentu, wanita yang belum berkeluarga menghadapi kesukaran yang serius dalam menyusun atur kewangan mereka. Ada di kalangan mereka yang menghadapi kesukaran menuntut hak perundangan dalam sesebuah kontrak, walaupun undang-undang tidak menafikan hak berkenaan. Sikap manusia yang tegar sukar berubah, tidak seperti perubahan pesat sistem kewangan.

Kelima, statistik mengenai jangka hayat mengesahkan bahawa wanita lebih cenderung untuk hidup lebih lama. Dalam segmen sesebuah masyarakat yang wanitanya berpendapatan kurang daripada lelaki, ditambah dengan fakta yang menyatakan mereka akan hidup lebih lama, maka sangat penting bagi kita mewujudkan kecerdasan kewangan demi membebaskan kongkongan kewangan bagi kaum wanita. Trend ini menguatkan lagi keperluan untuk merancang persaraan terutamanya dalam era yang kos perubatannya semakin meningkat.

III. Persekitaran yang Menggalakkan Celik Kewangan

Proses meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai isu kewangan dalam persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah perlu dibuat secara berterusan. Usaha perlu ditumpukan bukan sahaja kepada penyediaan program pendidikan, malah menyediakan prasarana sokongan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan. Ini untuk memastikan wujudnya ketelusan dan pendedahan dalam sistem kewangan, di samping memberi perlindungan pengguna yang mencukupi. Celik kewangan yang berkesan bermakna orang ramai dibawa ke dalam arus perdana kewangan supaya mereka dapat membuat keputusan yang bermaklumat mengenai pendapatan, perbelanjaan, simpanan dan pelaburan. Usaha ini perlu merangkumi himpunan strategi yang komprehensif termasuk proses pendidikan yang diperkukuhdengan prasarana sokongan.

Matlamat mana-mana program pendidikan kewangan adalah untuk

meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pengurusan kewangan yang efektif, dengan menunjukkan bagaimana ia boleh menyumbang kepada penjagaan kewangan dan membantu meningkatkan taraf hidup. Program yang paling efektif adalah program yang disasarkan kepada kumpulan tertentu. Pendidikan asas untuk meningkatkan celik kewangan yang mempunyai kesan yang berterusan ialah pendidikan yang dilaksanakan menerusi sistem sekolah. Program sebegini akan memberikan pendidikan kepada golongan wanita pada peringkat umur muda. Apa yang penting ialah ianya tidak akan menyebabkan mana-mana kumpulan sasar lain diketepikan, terutamanya golongan wanita. Oleh itu, program sedemikian hanya akan berjaya sekiranya ia dilaksanakan sebagai sebahagian daripada kurikulum teras di sekolah. Sesungguhnya, sistem pendidikan sesebuah negara boleh memainkan peranan penting dalam meningkatkan celik kewangan dalam sesebuah negara.

Tanggungjawab menggalakkan celik ekonomi dan kewangan adalah usaha bersama di kalangan pihak berkuasa, penyedia perkhidmatan kewangan dan seluruh masyarakat bagi membolehkan pelbagai kumpulan sasar termasuk semua kumpulan sosial menerimanya. Ini termasuklah kumpulan berpendapatan rendah, pekerja dan perniaga. Program ini perlu disasarkan kepada kumpulan keluarga yanggolongan wanitanya mempunyai peranan penting serta untuk melibatkan mereka yang belum dapat menyertai dengan sepenuhnya supaya mereka mendapat faedah daripada persekitaran ekonomi yang positif yang sedang berlaku di rantau ini.

Antara program pendidikan kewangan yang berjaya ialah program yang mempunyai objektif khusus yang disesuaikan untuk sesuatu keperluan. Ini termasuklah program menggalakkan simpanan untuk objektif tertentu, seperti pendidikan atau persaraan. Program pendidikan tersebut juga boleh dikaitkan dengan objektif lain seperti kesihatan, pemilikan rumah dan sebagainya. Produk kewangan juga boleh disesuaikan untuk tujuan bukan sahaja untuk menggalakkan minat malah untuk memenuhi objektif tersebut.

Semua saluran maklumat perlu diguna untuk memaksimumkan keberkesanan program pendidikan kewangan. Program latihan formal boleh diperkukuh menerusi kandungan berasaskan web dan Internet. Laman web sedunia menyediakan skala ekonomi yang amat besar dari segi penyampaian kandungan pada kos yang rendah. Hubungan ke Internet dapat membawa maklumat dari segenap pelusuk dunia ke sistem pendidikan tempatan. Program yang berterusan boleh membantu menggalakkan penyertaan. Walaupun program berasaskan web memerlukan celik komputer, ia mempunyai jangkauan lebih meluas dan membolehkan fleksibiliti dari segi masa yang merupakan faktor yang penting untuk golongan wanita.

Langkah seterusnya yang boleh diambil untuk memberi nasihat kewangan ialah menerusi penasihat kewangan. Penasihat kewangan dapat menangani isu yang dihadapi pelabur yang lebih sofistikated. Di samping itu, prasarana khidmat nasihat perniagaan amat penting. Ia boleh disediakan khususnya oleh institusi kewangan. Sistem yang menjelaskan

hak dan tanggungjawab pengguna dan peniaga perlu disediakan. Institusi kredit mikro juga telah berjaya dilaksanakan oleh banyak negara dalam memberikan akses perkhidmatan kewangan kepada perusahaan mikro. Ini membantu ke arah pergantungan yang lebih terhadap prasarana kewangan formal daripada struktur tidak formal.

Tahap pendidikan pengguna yang lebih tinggi dan celik kewangan mesti disertai oleh rejim pendedahan yang efektif, amalan pasaran yang adil dan telus, usaha memudahkan produk kewangan dan peningkatan tahap komunikasi dalam pasaran bagi mengurangkan percanggahan maklumat.

Sementara usaha-usaha sedang diambil untuk meningkatkan ketelusan dan pendedahan oleh pemberi perkhidmatan dan tahap kecelikan yang boleh membuahkan hasil positif, perlindungan terhadap pengguna masih diperlukan. Dalam situasi percanggahan maklumat, pengguna selalunya tidak mempunyai maklumat yang mencukupi untuk melindungi mereka sepenuhnya. Membina keyakinan pengguna memerlukan penyediaan saluran khidmat nasihat dan penyelesaian aduan yang mencukupi berlandaskan proses yang adil. Aduan pengguna juga perlu ditangani dengan segera oleh institusi kewangan.

IV. Pengalaman Malaysia

Sejak beberapa dekad yang lalu, Malaysia telah mencatat kemajuan ekonomi yang memberangsangkan. Ekonomi negara telah berkembang pada kadar purata 7% setahun, dengan pendapatan perkapitanya meningkat daripada AS$300 pada tahun 1970 kepada AS$4,236 pada tahun 2004. Daripada sebuah ekonomi yang berasaskan pertanian, Malaysia kini telah mempelbagaikan ekonominya dengan sumbangan yang besar diperoleh daripada sektor perkilangan dan perkhidmatan. Lebih kurang separuh daripada jumlah penduduk Malaysia terdiri daripada wanita, dan mereka memainkan peranan utama dalam proses transformasi ekonomi negara. Lebih kurang 45% daripada jumlah pekerja ialah wanita, dan jumlahnya di peringkat profesional, pengurusan dan teknikal semakinberkembang. Kemajuan ini dicapai berikutan peluang pendidikan yang lebih tinggi dan terbuka kepada golongan wanita. Separuh daripada jumlah pelajar sekolah rendah dan menengah adalah wanita, sementara- di peringkat universiti, 55% daripada jumlah kemasukan dikuasai golongan wanita. Sungguhpun wanita terus memainkan peranan penting dalam perancangan kewangan isi rumah, satu generasi baru wanita yang sofistikated dan bebas dari kemelut kewangan kini sedang muncul.

Sektor kewangan di Malaysia juga telah mengalami kemajuan yang ketara, dengan kepelbagaian peserta, produk dan saluran penghantaran yang tersebar ke seluruh negara. Tebaran institusi kewangan yang meluas merupakan dasar yang dibuat secara berhati-hati dan teliti untuk memastikan perkhidmatan kewangan dapat sampai kepada rakyat di kawasan bandar dan luar bandar. Dengan akses yang lebih baik kepada produk dan perkhidmatan kewangan oleh pengguna dan peniaga, tanggungjawab mendidik pengguna mengenai hal ehwal kewangan menjadi keutamaan Bank Negara Malaysia.

Menyedari betapa pentingnya memupuk kesedaran kewangan di peringkat umur muda, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Buku Wang Saku pada tahun 1996 bagi memupuk tabiat mengurus kewangan yang bijak di kalangan pelajar. Program tersebut juga merangkumi Buku Perancangan Kewangan Keluarga untuk membantu golongan berkeluarga mengurus pendapatan, simpanan dan pelaburan isi rumah. Bagi meluaskan edarannya, buku tersebut telah diedar kepada kumpulan wanita, guru-guru dan pekerja.

Berikutan dengan itu, pada tahun 1997, Bank Negara Malaysia telah bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melaksanakan Program Sekolah Angkat. Menerusi program ini, lebih daripada 7,000 buah sekolah telah diambil sebagai sekolah angkat oleh institusi perbankan dalam usaha meneraju pendidikan pengetahuan kewangan asas kepada pelajar sekolah. Pada bulan Oktober tahun ini, versi interaktif Buku Wang Saku telah dilancarkan untuk digunakan dalam Program Sekolah Angkat.

Bank Negara Malaysia juga telah menyediakan Pelan Induk Sektor Kewangan yang merancang pembangunan sistem kewangan Malaysia untuk jangka masa 10 tahun bermula pada tahun 2001. Satu komponen penting dalam Pelan Induk tersebut ialah Program Pendidikan Pengguna 10 tahun untuk sektor perbankan dan insurans, yang dikenali sebagai BankingInfo dan InsuranceInfo, yang telah dilancarkan pada tahun 2003. Untuk menyebarkannya ke segenap pelusuk masyarakat, pelbagai saluran telah digunakan, termasuk menerusi media, pameran bergerak, brosur maklumat dan laman web yang khusus. Terdapat juga program pendidikan khusus yang disasarkan kepada kumpulan tertentu, termasuk golongan wanita di luar bandar, golongan berpendapatan rendah dan ibu tunggal. Hingga kini, laman web BankingInfo telah menerima lebih daripada 14 juta hit dan lebih daripada 2.5 juta buku kecil telah diedarkan kepada orang ramai. Bagi sektor insurans pula, lebih daripada 1.4 juta hit telah dicatat oleh laman web InsuranceInfo, dan lebih daripada 1.3 juta buku kecil berkaitan insurans telah diedarkan.

Sama seperti di kebanyakan negara Asia, perusahaan mikro di Malaysia banyak menyumbang kepada guna tenaga. Kaum wanita giat terlibat dalam perusahaan mikro, yang biasanya diusahakan sebagai perniagaan keluarga. Bagi menyokong pertumbuhan perusahaan mikro, agensi dan mekanisme pembiayaan khusus telah ditubuhkan. Bagi melengkapkan pengusaha perusahaan mikro dengan pengetahuan yang sesuai, bahan pendidikan mengenai asas memulakan perniagaan telah disediakan, terutamanya untuk menangani isu mendapatkan akses kepada pembiayaan bersesuaian dengan kekangan sesebuah perusahaan mikro. Agensi khusus, termasuk institusi kewangan pembangunan pakar telah dikenalpasti untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat bagi melengkapkan kesemua inisiatif berkaitan.

Di samping program pendidikan pengguna, Bank Negara Malaysia juga telah menyediakan rangka kerja perlindungan pengguna. Biro Pengantara Kewangan telah ditubuhkan dengan kerjasama industri kewangan. Biro ini bertujuan menjadi pusat

sehenti untuk penyelesaian aduan pengguna biasa terhadap institusi kewangan yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia juga sedang menubuhkan sebuah pusat perkhidmatan sehenti di Bank untuk berfungsi sebagai tempat orang ramai mendapatkan maklumat bagi meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan rakyat Malaysia. Pusat perkhidmatan tersebut juga akan menyediakan khidmat nasihat mengenai hal ehwal kewangan kepada perusahaan kecil dan sederhana.

V. Penutup

Celik kewangan di kalangan wanita sebenarnya adalah untuk memupuk kesedaran yang cukup mengenai hal ehwal kewangan bagi membolehkan kaum wanita melindungi dan memperkayakan diri dan keluarga masing-masing dalam dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu. Untuk menjadi peserta yang efektif dalam ekonomi moden masa kini, kita tidak boleh bersikap sambil lewa terhadap celik kewangan. Ia merupakan ilmu dan kemahiran yang mesti dicari secara bersungguh-sungguh. Dari perspektif negara dan institusi, dorongan ke atas celik kewangan mesti disepadukan dalam agenda keseluruhan bagi merubah dan membangunkan ekonomi dan sektor kewangan.

Izinkan saya mengakhiri ucapan ini dengan kata-kata Jawaharlal Nehru, "Kita sering berkata tentang revolusi, baik politik mahupun ekonomi. Namun, revolusi yang paling hebat dalam sesebuah negara ialah yang melibatkan status dan keadaan hidup golongan wanitanya. Sejauh mana revolusi kita telah merubah wanita, sehebat itulah revolusi itu sebenarnya."

Kalendar Peristiwa
Julai - September 2004

13 Julai 2004
Mesyuarat pertama Pihak Berkuasa Pengawalan dan Pengawalseliaan Takaful dan Insurans Lapan Negara Membangun (D-8) telah diadakan di Kuala Lumpur. Bank telah menganjurkan mesyuarat tersebut untuk membincangkan perkembangan dalam industri takaful dan insurans di lapan buah negara tersebut, di samping menubuhkan mekanisme kerjasama antara pihak berkuasa pengawalan dan pengawalseliaan takaful dan insurans negara terbabit.

3 Ogos 2004
Gabenor telah menyampaikan ucapan pembukaan di Persidangan Euromoney yang bertemakan *"Remaking Malaysia: Investing in the New Malaysia".* Dalam ucapan tersebut, beliau menyatakan bahawa strategi yang perlu untuk memastikan kekukuhan prestasi pertumbuhan negara dapat dikekalkan dengan memberikan tumpuan kepada keupayaan ekonomi serta bidang yang negara ini mempunyai kelebihan, bagi menjamin kelebihan bandingan tersebut. Seterusnya, proses ke arah pengimbangan semula ekonomi (antara sektor swasta dan awam) bagi meningkatkan daya saing, akan terus ditingkatkan dan diperluaskan.

4 Ogos 2004
Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Majlis Anti-Pengubahan Wang Haram Filipina. MOU tersebut bertujuan memudahkan pertukaran maklumat dan perkongsian perisikan kewangan antara kedua-dua organisasi bagi membanteras aktiviti pengubahan wang haram.

13 Ogos 2004
Mesyuarat pertama Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan, yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah diadakan di Putrajaya. Majlis tersebut merupakan badan penggubal dasar tertinggi bagi menetapkan hala tuju masa hadapan dan strategi untuk pembangunan PKS. Penubuhannya merupakan hasil cadangan Bank untuk menyelaraskan usaha pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan PKS, di samping mempercepat proses pengukuhan infrastruktur sokongannya.

20 Ogos 2004
Bank mengumumkan penerbitan keempat Bon Simpanan Merdeka yang berjumlah RM500 juta yang telah diterbitkan pada 1 Oktober 2004. Bon tersebut merupakan instrumen tabungan tambahan kepada warga emas, anggota Angkatan Tentera Malaysia yang telah bersara, serta rakyat Malaysia yang telah bersara atas sebab kesihatan.

25 Ogos 2004

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah tumbuh pada kadar 8.0% pada suku kedua tahun 2004. Pertumbuhan suku tahunan tersebut adalah yang tertinggi sejak suku ketiga tahun 2000. Pertumbuhan tersebut meliputi semua sektor, dengan diterajui sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kombinasi perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh dan pertumbuhan permintaan luar yang terus tinggi telah menghasilkan pertumbuhan KDNK bagi separuh tahun pertama sebanyak 7.8%.

Pernyataan Dasar Monetari mengumumkan bahawa dalam suasana kadar inflasi domestik yang rendah, dasar semasa monetari akan terus dikekalkan untuk menyokong pertumbuhan.

Gabenor telah menyampaikan ucaptama di Persidangan mengenai Pembangunan Perbankan dan Pasaran Modal Islam anjuran ASLI *(Asian Strategy and Leadership Institute)*. Ucaptama tersebut menyatakan pengukuhan infrastruktur ialah syarat awal yang utama untuk pembangunan sebuah sistem kewangan Islam yang dinamik dan progresif. Beliau turut menyenaraikan beberapa pembangunan yang telah dicapai dalam sektor perbankan dan kewangan Islam negara.

3 September 2004

Bank telah mengumumkan perubahan layanan pengawalan yang diberikan kepada sekuriti hutang Cagamas baru yang diterbitkan selepas 4 September 2004. Ini bertujuan untuk terus meningkatkan kecekapan fungsi pasaran bon tempatan. Langkah tersebut akan menggalakkan penetapan harga yang lebih berdasarkan kepada pasaran, di samping meningkatkan minat pelabur dalam sekuriti hutang baru tersebut, yang baik untuk perkembangan pasaran bon yang pesat.

21 September 2004

Gabenor telah menyampaikan ucaptama di Sidang Kemuncak Perbankan dan Kewangan Islam Asia di Kuala Lumpur. Dalam ucaptama tersebut, beliau telah memaklumkan mengenai strategi dan cabaran dalam usaha mengintegrasikan sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa.